



KAKIB

KOPERASI ANGGOTA KERAJAAN IPOH BERHAD



LAPORAN TAHUNAN
2021

**MESYUARAT
AGUNG TAHUNAN
KALI KE-96**

26 JUN 2022 (AHAD)

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KAKIB KE-96

TARIKH :
26.06.2022 (AHAD)

PENDAFTARAN KEHADIRAN :
PENGUNDIAN DAN MESYUARAT AGUNG SECARA DALAM TALIAN DIBUKA
MULAI 8.30 PAGI SEHINGGA 2.00 PETANG

PAUTAN :
www.agm.kakib.my atau melalui QRCode di bawah

PENDAFTARAN PENGUNDIAN DAN MESYUARAT :



MESYUARAT BERMULA :
JAM 2.30 PETANG

PUSAT PENYIARAN :
(BROADCAST VENUE)
PUSAT SEMINAR DAN LATIHAN KAKIB
NO. 10 & 10A, JALAN MERU UTAMA, IPOH

KAEDAH :
SIDANG VIDEO

NOTA :

1. MANUAL LENGKAP BERGAMBAR UNTUK PENDAFTARAN DAN PENGUNDIAN MESYUARAT SEBAGAI PANDUAN ANGGOTA MEMBUAT PENDAFTARAN DAN PENGUNDIAN BOLEH DILIHAT DI <http://www.agm.kakib.my/manual.pdf>
2. ANGGOTA YANG TELAH BERHENTI SEBELUM MESYUARAT AGUNG INI TIDAK LAYAK MENGUNDI.
3. ANGGOTA BARU YANG BELUM MENJELASKAN FI MASUK, YURAN BULANAN DAN MODAL SYER ANGGOTA TIDAK LAYAK MENGUNDI.

MAKLUMAN



LAMAN SESAWANG KAKIB

(BORANG-BORANG PERMOHONAN BOLEH DIMUAT TURUN
DARI LAMAN SESAWANG INI)

www.kakib.my



FACEBOOK KAKIB

(BERITA-BERITA DAN AKTIVITI-AKTIVITI SEMASA)

kakib4u



NOMBOR WHATSAPP KAKIB

(UNTUK SEMAKAN KELAYAKAN PEMBIAYAAN,
HANTAR SLIP GAJI KE NOMBOR INI)

011-6254 0707



E-MEL KAKIB

kakib4u@hotmail.com



HUBUNGI KAMI DI NOMBOR-NOMBOR BERIKUT

05-254 0707 / 05-253 5369 / 05-243 1864

05-205 8089 (AR RAHNU KAKIB)

05-526 9055 (AR RAHNU KAKIB CAWANGAN SILIBIN)

011-3224 2411 (COOP FARMASI)

05-255 5552 (PELANCONGAN)

05-255 0994 (FAKS)

KANDUNGAN

Struktur Organisasi KAKIB Tahun 2021	3
Gambar Anggota Lembaga Tahun 2021 – 2022	4
Gambar Jawatankuasa Audit Dalam Tahun 2021 – 2022	5
Perutusan Pengerusi KAKIB	6
Calon Anggota Lembaga KAKIB Bagi Tahun 2022 - 2023	7
Tatacara Mesyuarat Agung Tahunan KAKIB Ke-96 Secara Dalam Talian	8
Notis Mesyuarat Agung Tahunan Dan Agenda	9
Persediaan Dan Etika Mesyuarat Dalam Talian	11
Minit Mesyuarat Agung Tahunan Yang Ke-95 KAKIB Pada 29.08.2021	12
Laporan Tahunan Dan Penyata Kira-Kira Yang Berakhir 31.12.2021	29
Keputusan Undian Anggota Lembaga Bagi Tahun 2020 – 2021	44
Laporan Pemeriksaan Jawatankuasa Audit Dalam Bagi Tahun 2021	45
Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun-Akaun Dan Kunci Kira-Kira Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2019 Dan 2020	49
Laporan Dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31.12.2021	50
Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan Tahun 2023 KAKIB	95
Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan Tahun 2023 Unit Jualan KAKIB	98
Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan Tahun 2023 Ar Rahn KAKIB	99
Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan Tahun 2023 Ar Rahn KAKIB Cawangan Silibin	100
Laporan dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31.12.2021 KAKIB Safar Travel & Tours Sdn. Bhd.	101
Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2023 KAKIB Safar Travel & Tours Sdn. Bhd. – Pelancongan	102
Anggaran Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2023 KAKIB Safar Travel & Tours Sdn. Bhd. – Coopfarmasi	103
Laporan Prestasi Kewangan KAKIB Dalam Tempoh 10 Tahun (2012 – 2021)	104

STRUKTUR ORGANISASI KAKIB

TAHUN 2021

PENGERUSI LEMBAGA	Zulkimi bin Hussain (<i>mulai 30.03.2021</i>) Khairul Anuar bin Mohd Nor (<i>sehingga 29.03.2021</i>)
SETIAUSAHA	Mohd Hasrizad bin Zaman (<i>mulai 30.03.2021</i>) Zulkimi bin Hussain (<i>sehingga 29.03.2021</i>)
BENDAHARI	Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (<i>mulai 30.03.2021</i>) Mohd Zamal Abidin bin Wahit (<i>sehingga 29.03.2021</i>)
ANGGOTA LEMBAGA	Mohd Shafri bin Sulaiman Shuhaimi bin Ari, P.J.K. (<i>sehingga 29.08.2021</i>) Abdull Wahab bin Busu Mazalan bin Mutafta Jamal bin Abdul Moin Azwan bin Ismail, P.J.K. Khairul Anuar bin Mohd. Noor Shamsul Baharin bin Mohd Salleh Mohd Huzaifah bin Ismadi Zulkifli Faathir bin Mohamed Farouk Zollizan bin Mat Tahir Azizul bin Mansur (<i>mulai 29.08.2021</i>) Norhairulniza bin Noraini (<i>dari 29.08.2021 – 31.09.2021</i>) Muhamad Farid bin Ibrahim (<i>mulai 01.10.2021</i>) Mohd Noor Aniq Zuhaili bin Ahmad (<i>mulai 16.05.2021 – 29.08.2021</i>)
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN	Khairizal bin Napiah (<i>Pengerusi</i>) Mohd Noor Aniq Zuhaili bin Ahmad (<i>Setiausaha</i>) Norhairulniza bin Noraini (<i>Anggota Jawatankuasa</i>) Haroun Agoes Salim bin Shafie (<i>Anggota Jawatankuasa</i>)
JURUAUDIT LUAR	ARA Associates (SKM (A) 0477) No. 4, Persiaran Pengkalan Timur 26 Medan Pengkalan Impian 31650 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
BANK	Bank Muamalat Malaysia Berhad MBSB Bank Berhad IMB Bank Berhad Co-op Bank Pertama Malaysia Bhd Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad Bank Simpanan Nasional
PEJABAT	No. 111-B, Tingkat Satu, Jalan Dato' Onn Jaafar 30300 Ipoh, Perak Darul Ridzuan Tel. : 05-254 0707, 05-253 5369 Tel/Faks : 05-255 0994 Whatsapp : 011-6254 0707 Laman web : www.kakib.my Facebook : kakib4u E-mel : kakib4u@hotmail.com Koordinate : 4.600013,101.08472

ANGGOTA LEMBAGA 2021 - 2022



BERDIRI DARI KIRI :

Encik Azizul bin Mansur, Encik Zulkifli Faathir bin Mohamed Farouk, Encik Mohd Shafri bin Sulaiman, Encik Abdull Wahab bin Busu, Encik Muhamad Farid bin Ibrahim, Encik Jamal bin Abdul Moin, Encik Zollizan bin Mat Tahir dan Encik Khairul Anuar bin Mohd Nor.

DUDUK DARI KIRI :

Encik Azwan bin Ismail P.J.K., Encik Mazalan bin Mutafta, Encik Mohd Hasrizad bin Zaman (*Setiausaha*), Encik Zulkimi bin Hussain (*Pengerusi*), Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (*Bendahara*), Encik Shamsul Baharin bin Mohd Salleh dan Encik Mohd Huzaifah bin Ismadi.

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN 2021 - 2022



DARI KIRI :

Encik Khairizal bin Napiah (*Pengerusi JAD*),
Encik Haroun Agoes Salim bin Shafie,
Encik Mohd Noor Aniq Zuhaili bin Ahmad (*Setiausaha JAD*)
dan Encik Norhairulniza bin Noraini.

PERUTUSAN Pengerusi

KOPERASI ANGGOTA KERAJAAN IPOH BERHAD



Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamua'laikum warahmatullahi wabarokatuh,
Segala puji-pujian bagi Allah. Selawat dan salam atas junjungan besar
kita Nabi Muhammad S.A.W.

Terlebih dahulu saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada barisan ALK dan pihak pengurusan Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) diatas kesungguhan mereka bagi menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan pada kali ini.

Saya mengalu-alukan kehadiran semua anggota KAKIB **secara dalam talian** ke Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) kali ke-96 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021. Penglibatan semua anggota KAKIB

dari seluruh negara bagi menunaikan tanggungjawab ini adalah satu bukti jelas minat dan sokongan anggota kepada KAKIB walaupun kita masih dalam situasi **Endemik COVID-19**.

Insyallah, pada tahun kewangan 2021, anggota KAKIB dijangka akan terus menerima dividen/pulangan yang baik walaupun dalam senario ekonomi negara yang kurang memberangsangkan ketika ini. Disamping itu juga, KAKIB telah dinilai oleh pihak SKM antara Gerakan Koperasi yang berdaya saing di Malaysia dengan mendapat kedudukan **ke 38 dalam senarai Indeks 100 Koperasi Terbaik di Malaysia**.

Kita harus berbangga kerana segala usaha gigih selama ini mampu melonjakkan KAKIB pada tahap yang tinggi serta terus unggul menempa kejayaan dalam setiap cabang perniagaan yang diceburi.

Pada tahun hadapan 2023, maka genaplah usia **100 tahun KAKIB**. Ini semua atas berkat kesungguhan, kerjasama dan sumbangan daripada warga KAKIB semenjak ianya ditubuhkan **pada 23 Julai, 1923**. Segala onak dan ranjau dapat kita atasi bersama-sama. Sekalung tahniah kepada seluruh warga KAKIB atas pencapaiannya selama ini. Pastinya dalam kematangan usia sebegini, pelbagai cabaran telah dilalui oleh KAKIB yang memberikannya pengalaman untuk bertahan dan terus berdiri kukuh dari dahulu sehingga kini dan selama-lamanya, Insyallah.

Saya percaya, resipi kejayaan ini dicetuskan hasil daripada ramuan yang kita cipta dan reka bersama-sama. Dengan iltizam, tekad serta usaha berterusan daripada warga KAKIB, visi dan misi pasti tercapai.

Harapan saya amatlah tinggi, bagi melestarikan perkhidmatan kepada anggota selain memastikan koperasi ini diurustadbir secara baik.

Saya menyeru kepada semua anggota KAKIB supaya menggunakan Mesyuarat Agung ini sebagai pentas rasmi untuk memberikan idea berkualiti dan komen yang membina.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat bermesyuarat kepada semua Anggota KAKIB dan berdoa semoga mesyuarat ini berjalan dengan penuh tertib dan teratur serta diberkati Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

Ikhtisar dari saya,

ZULKIMI BIN HUSSAIN
Pengerusi KAKIB

CALON ANGGOTA LEMBAGA KAKIB

BAGI TAHUN 2022 – 2023

No.	Nama Anggota	No. Anggota	Jabatan/Sekolah
1.	Encik Abdull Wahab bin Busu	22704	Hospital Raja Permasuri Bainun, Ipoh
2.	Encik Jamal bin Abdul Moin	20276	Hospital Raja Permasuri Bainun, Ipoh
3.	Encik Azwan bin Ismail, P.J.K.	21104	JKR Negeri Perak, Ipoh
4.	Encik Mohd Huzaifah bin Ismadi	28528	Jabatan Kesihatan Negeri Perak, Ipoh
5.	Encik Muhamad Farid bin Ibrahim	28550	Hospital Raja Permasuri Bainun, Ipoh
6.	Encik Mohd Noor Aniq Zuhaili bin Ahmad	29186	Hospital Raja Permasuri Bainun, Ipoh
7.	Encik Zarawi bin Zainudin	27173	Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Perak
8.	Khairizal bin Napiah	26876	Hospital Raja Permasuri Bainun, Ipoh

Nota :-

Senarai calon di atas telah **memenuhi kriteria “layak dan sesuai”** sepertimana terkandung dalam GP3 : Garis Panduan Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi sebagai Anggota Lembaga Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad Bagi Tempoh 3 Tahun.

TATACARA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KAKIB KE-96

SECARA DALAM TALIAN

A. PENDAFTARAN KEHADIRAN DAN PENGUNDIAN

1. Pendaftaran kehadiran dan pengundian mesyuarat akan dibuka secara dalam talian melalui pautan berikut : www.agm.kakib.my
2. Pendaftaran hanya akan dibuka pada 26.06.2022 (Ahad) mulai jam 8.30 pagi sehingga 2.00 petang.

B. MENYERTAI MESYUARAT SECARA SIARAN LANGSUNG

1. Pautan Mesyuarat Secara Dalam Talian dan Passcode akan diberikan selepas pendaftaran Mesyuarat dilakukan.
2. Mesyuarat akan bermula pada jam 2.30 petang. Mesyuarat boleh diakses masuk menggunakan peranti android, iphone atau komputer.
3. Anda digalakkan untuk memuat turun aplikasi Zoom Meeting terlebih dahulu untuk masuk ke dalam mesyuarat. And boleh memuat turun secara percuma di Playstore untuk peranti Android, Appstore untuk iphon atau dilaman sesawang : <http://zoom.us/download> bagi anggota yang menggunakan komputer.
4. Bagi anggota yang ingin bertanya sewaktu mesyuarat, sila klik '*Raise Hand Button*' atau menaip soalan di ruangan chat.

C. MANUAL LENGKAP PENDAFTARAN DAN PENGUNDIAN MESYUARAT

1. Sebarang perubahan Tatacara Mesyuarat akan dimaklumkan dalam media sosial Facebook : kakib4u, laman web kakib : www.kakib.my dan di laman sesawang pendaftaran : www.agm.kakib.my
2. Manual Lengkap bergambar untuk Pendaftaran dan Pengundian Mesyuarat untuk panduan anggota membuat pendaftaran dan pengundian boleh dilihat di <http://agm.kakib.my/manual.pdf>

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN DAN AGENDA

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad yang Ke Sembilan Puluh Enam (96) akan diadakan seperti berikut :-

Tarikh : **26 Jun 2022 (Ahad)**
Pusat Penyiaran : **Pusat Seminar dan Latihan KAKIB,
No 10 & 10A, Jalan Meru Utama, Ipoh, Perak**

AGENDA – MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

- 8.30 pagi - Ucapan Aluan Pengerusi
- Mesyuarat Agung Tahunan Bermula

1. Undian Pemilihan Lima (5) orang Anggota Lembaga untuk mengambil tempat yang dikosongkan oleh :-

- 1.1 Encik Abdull Wahab bin Busu
- 1.2 Encik Jamal bin Abdul Moin
- 1.3 Encik Shamsul Baharin bin Mohd Salleh
- 1.4 Encik Azwan bin Ismail, P.J.K.
- 1.5 Encik Mohd Huzaifah bin Ismadi


- 2.30 petang - Ucapan aluan Pengerusi KAKIB
- Bacaan Doa
- Ucapan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan KAKIB Yang Ke-96

Mesyuarat Agung Tahunan secara sidang video dimulakan.

2. Pelantikan Pengerusi Majlis Mesyuarat Agung Tahunan Uuk 34(1).
3. Ucapan Pengerusi Majlis Mesyuarat.
4. Melantik satu jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan deraf minit Mesyuarat Agung ini.
5. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-95 yang telah diadakan pada 29 Ogos 2021 dari muka surat 12 - 28.
6. Menimbang laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam dan pandangan Ketua Pendaftar mengenai Akaun-Akaun Beraudit dan Laporan Lembaga Koperasi dari muka surat 29 - 48.
7. Menimbang dan Meluluskan Akaun-Akaun Teraudit bersama dengan Laporan Juruaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 dari muka surat 50 - 94.

8. Meluluskan cadangan Pembahagian Keuntungan untuk tahun kewangan 31 Disember 2021 di muka surat 58.
9. Membentang Dan Meluluskan Anggaran Belanjawan bagi tahun 2023 untuk :-
 - 11.1 Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad di muka surat 95 - 97.
 - 11.2 Unit Jualan KAKIB di muka surat 98.
 - 11.3 Ar Rahn KAKIB di muka surat 99.
 - 11.4 Ar Rahn KAKIB Cawangan Silibin di muka surat 100.
10. Menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit KAKIB Safar Travel & Tours Sdn Bhd.
11. Membentang dan meluluskan Anggaran Belanjawan bagi tahun 2023 untuk :-
 - 13.1 KAKIB Safar Travel & Tours Sdn Bhd – Pelancongan.
 - 13.2 KAKIB Safar Travel & Tours Sdn Bhd – Coopfarmasi .
12. Meluluskan pelantikan satu panel yang terdiri daripada firma audit berikut untuk mengaudit akaun-akaun tahun 2022.
 - 12.1 Tetuan Atarek Kamil Ibrahim & Co., No. 51, Tingkat 3, Wisma Jauhari, Lengkok Kledang Jaya, Taman Kledang Jaya, 30100 Ipoh, Perak.
 - 12.2 Tetuan Hisham & Co (AF 1491), 5B-2, 2nd Level, Persiaran Greentown 5, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh, Perak.
 - 12.3 ARA Associates (SKM (A) 0477), 4, Persiaran Pengkalan Timur 26, Medan Pengkalan Impian, 31650 Ipoh, Perak.
 - 12.4 Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
13. Memberi kuasa kepada Lembaga Koperasi untuk menjalankan pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi tidak melebihi Ringgit Malaysia Sepuluh Juta.
14. Memberi kuasa kepada Lembaga Koperasi untuk had maksimum keterhutangan luar dari mana-mana punca tidak lebih dari Ringgit Malaysia Sepuluh Juta.
15. Mengisytiharkan keputusan Undian Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi.
16. Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan yang suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat agung telah diberikan kepada Koperasi ini dikemukakan oleh anggota yang terkilan dengan sesuatu keputusan Lembaga mengikut Undang-undang Kecil 33 (1m).

Dengan Perintah Anggota Lembaga Koperasi



MOHD HASRIZAD BIN ZAMAN
Setiausaha

PERSEDIAAN DAN ETIKA MESYUARAT

DALAM TALIAN



Pastikan talian/liputan internet/wifi berada dalam keadaan baik.



Pastikan perkakasan/peralatan yang digunakan berfungsi dengan baik :-

- ✱ Hayat bateri laptop/tablet/iPad penuh dan/atau sentiasa dicas; dan
- ✱ Audio/visual (mikrofon & kamera) terang & jelas.



Pastikan anda klik link mesyuarat yang betul.



Pastikan keadaan di sekeliling senyap dan elak/kurangkan sebarang gangguan :-

- ✱ Telefon dimatikan/mod senyap; dan
- ✱ Bunyi/pergerakan berlebihan.



Patuhi etika berpakaian semasa mesyuarat (pakaian pejabat/sopan).



Pastikan mikrofon dalam mod senyap (*mute*) semasa tidak bercakap. Hidupkan mikrofon bila ingin bercakap sahaja.



Tekan butang "*raise hand*" jika ingin mencelah/menyatakan pendapat :-

- ✱ Hanya bercakap jika dibenarkan oleh Pengerusi/urus setia; dan
- ✱ Tidak menyampuk/tunggu giliran untuk bercakap.



Duduk dalam posisi yang sesuai dan tunggu sehingga mesyuarat selesai.

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN YANG KE-95

KOPERASI ANGGOTA KERAJAAN IPOH BERHAD

Tarikh : 29 Ogos 2021 (Ahad)
Masa : Jam 2.30 Petang
Tempat : Pusat Seminar Dan Latihan KAKIB (*Broadcast Center*)
Secara maya melalui aplikasi *Zoom Meeting*

A. UCAPAN ALUAN PENERUSI KAKIB

Yang Berusaha, Encik Zulkimi bin Hussain selaku Pengerusi Lembaga KAKIB mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran anggota-anggota KAKIB secara maya ke Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 95 Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) yang julung kalinya dilaksanakan secara dalam talian, sejajar dengan norma baharu, bagi mendepani pandemik Covid-19 yang masih berleluasa pada ketika ini. Mesyuarat Agung Tahunan ini tidak akan dapat direalisasikan dengan sempurna jika tiada sokongan dan penyertaan daripada para anggota secara dalam talian.

Beliau mengambil kesempatan mewakili Anggota Lembaga dan seluruh warga KAKIB merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia, Encik Wan Abdul Halim bin Wan Abdul Razak, Timbalan Pengarah (1), yang telah mewakili Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Perak, di atas kesudian menyempurnakan perasmian Mesyuarat Agung KAKIB ke 95 tahun 2021.

Beliau memaklumkan pada ketika ini ekonomi dunia termasuk Malaysia sedang menghadapi kelembapan dan kemelesetan, serta tidak menentu, namun KAKIB masih tetap teguh dalam melaksanakan aktiviti-aktivitinya sepanjang tempoh 2019 dan 2020. KAKIB masih mampu untuk bergerak terus dan berdaya saing di dalam perniagaan dan berjaya mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM7.46 juta bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2019 dan sebanyak RM6.83 juta bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2020.

Di atas kejayaan KAKIB itu, maka bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, KAKIB telah mengagihkan keuntungan dalam bentuk dividen sebanyak 7.1 peratus atas Yuran dan 8 peratus atas Syer dan telahpun dibayar kepada semua anggota KAKIB pada 01 Julai 2021 yang lalu setelah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Pengagihan dividen atas yuran dan syer ini adalah masih sama seperti tahun 2019. Kejayaan yang dicapai ini juga jelas menunjukkan komitmen daripada Anggota Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Audit Dalaman, Pengurusan dan Kakitangan KAKIB yang penuh tanggungjawab untuk memperkemarkan organisasi dalam merangka visi, misi, polisi dan halatuju KAKIB, di samping sokongan dan kepercayaan yang diberikan oleh seluruh anggota KAKIB

Keterlibatan secara bersungguh-sungguh dengan penuh tanggungjawab Anggota Lembaga untuk menambahbaik tadbir urus serta memperkasakan kemudahan pembiayaan yang lebih efektif, memperkasa produk Ar-Rahnu dan menawarkan pelbagai produk barangan pengguna melalui Unit Jualan KAKIB, adalah merupakan antara pencetus kejayaan dan manfaat yang dikecapi bersama-sama. Produk pembiayaan diperkasakan dengan menawarkan pembiayaan mengikut tempoh sambutan sesuatu perayaan dan juga semasa tempoh pandemik Covid 19 ini kerana ramai anggota memerlukan bantuan kewangan dengan kadar keuntungan yang rendah.

Selain memperkasakan kemudahan pembiayaan kepada anggota, Produk Ar Rahn KAKIB adalah antara penyumbang kepada perolehan pendapatan yang telah menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Anggota Lembaga bercadang untuk memperkasakan Ar-Rahn KAKIB dengan menubuhkan Ar-Rahn KAKIB yang Kedua. Anggota Lembaga berpendapat penubuhan Ar-Rahn KAKIB Kedua ini tidak akan menghadapi banyak masalah kerana telah berpengalaman dalam penubuhan Ar-Rahn KAKIB yang Pertama serta mempunyai bangunan sendiri di lokasi yang strategik. Dengan penubuhan Ar-Rahn KAKIB Kedua ini kelak, akan dapat menambahkan pendapatan KAKIB serta memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak anggota KAKIB. Cadangan dan usul dari Anggota Lembaga ini diharap mendapat sokongan dan bantuan daripada seluruh anggota KAKIB di dalam Mesyuarat Agung pada kali ini untuk merealisasikan.

Untuk terus maju ke hadapan serta melaksanakan mandat dan tanggungjawab yang diamanahkan, Anggota Lembaga terus berusaha dan menyumbang idea bersama-sama warga kerja KAKIB untuk terus kekal relevan dan mempelbagaikan aktiviti perniagaan seperti perniagaan telekomunikasi, perniagaan penjagaan kesihatan, perdagangan luar negara dan sebagainya. Di mana bidang-bidang perniagaan baharu ini juga akan memberikan peluang kepada anggota KAKIB untuk menambahkan pendapatan dan pekerjaan kepada warga tempatan serta turut berganding bahu berusaha membangun dan memajukan lagi KAKIB. Oleh itu, dalam tahun 2020, KAKIB telah menyertai program RedCoop Angkasa dengan menjalinkan kerjasama dengan sebuah Syarikat Telekomunikasi iaitu RedOne Network Sdn. Bhd. bagi menyediakan peluang kepada usahawan koperasi berkecimpung dalam perniagaan berasaskan industri telekomunikasi sekali gus memberi nilai tambah kepada pendapatan KAKIB menerusi beberapa produk khusus yang diperkenalkan.

Bagi mempelbagaikan lagi perniagaan, KAKIB telah menyertai jaringan Coop Farmasi Angkasa di bawah projek perniagaan Pharma Wellness Angkasa dalam menyediakan akses kesihatan kepada anggota koperasi dan masyarakat. Maka, dalam Mesyuarat Agung pada kali ini juga, Anggota Lembaga akan mengemukakan cadangan dan usul bagi KAKIB untuk meneruskan aktiviti perniagaan tersebut dan diharap mendapat sokongan serta bantuan daripada seluruh anggota KAKIB. Ianya akan memberikan pulangan dan dapat meningkatkan prestasi kewangan KAKIB pada masa akan datang. Hasilnya nanti akan diagihkan semula kepada anggota-anggota melalui saluran tertentu seperti pemberian pembiayaan, pemberian dividen ke atas yuran, faedah persaraan, derma pelajaran kepada anak-anak anggota, khairat kematian dan sebagainya.

Keprihatinan KAKIB terhadap kebajikan anggotanya, tidak pernah dilupakan, malahan tetap diterus dan diperkembangkan dari masa ke semasa. KAKIB juga mendidik anggotanya, untuk menjadi warganegara bertanggungjawab dan prihatin terhadap masyarakat dengan melaksanakan aktiviti kebajikan untuk anggota dan masyarakat setempat. Sebahagian keuntungan digunakan untuk melaksanakan aktiviti sumbangan dan lain-lain aktiviti kemasyarakatan.

Sepanjang tahun 2019 dan 2020, Tabung Pendidikan dan Anak-anak Anggota, melalui Derma Pelajaran telah menyumbangkan RM100,500.00 kepada anak-anak anggota KAKIB yang layak. Bagi Kumpulan Wang Khairat Kematian Anggota pula, KAKIB telah menyumbangkan bantuan pengurusan jenazah kepada waris anggota yang meninggal dunia dan kepada keluarga anggota yang meninggal dunia sebanyak RM230,000.00.

KAKIB juga akan berterusan, membantu ke arah pembangunan dan keperluan asnaf zakat, melalui pembayaran Zakat Perniagaan, dimana sektor Koperasi diwajibkan untuk membayar zakat, hasil daripada harta perniagaannya itu yang diperolehi dari anggota muslim nya sahaja. Pada tahun 2019 dan 2020, KAKIB telah pun menunaikan kewajibannya dengan membayar Zakat Perniagaan

berjumlah RM205,643.95. Semoga semua perniagaan yang diusahakan KAKIB akan bertambah maju dan berkembang dengan lebih jayanya.

KAKIB tidak sahaja memberikan perkhidmatan serta manfaat untuk dikongsi bersama anggotanya sahaja. Oleh itu, Program Prihatin KAKIB telah dilaksanakan dengan memberi sumbangan berbentuk bantuan barangan dapur bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup anggotanya dan juga masyarakat setempat yang terjejas akibat daripada Perintah Kawalan Pergerakan dan wabak pandemik Covid 19. Program ini merupakan satu inisiatif KAKIB melibatkan peruntukan berjumlah RM10,000.00 dan KAKIB akan terus sentiasa prihatin terhadap apa yang sedang berlaku di dalam negara dan akan membantu masyarakat yang terkesan.

Dalam keadaan pandemik Covid 19 yang masih berleluasa pada ketika ini, sudah tentu beberapa aktiviti KAKIB juga turut terjejas. Antara aktivitinya, adalah Aktiviti Pelancongan melalui KSTT Sdn. Bhd. yang merupakan subsidiari milik KAKIB sangat terkesan dan setakat 31 Disember 2020 telah mengalami kerugian sebanyak RM13,343.00. Untuk itu, Anggota Lembaga telah mengambil tindakan segera, dengan menggantung operasi aktiviti pelancongan untuk sementara waktu, serta mengurangkan kos operasi syarikat. Selain dari itu, pengurusan kewangan syarikat juga akan diperbaiki untuk memastikan syarikat diuruskan dengan lebih baik dan berdaya saing. Walaupun begitu, Anggota Lembaga mendapati bahawa pihak kerajaan sudah mula merancang usaha pemulihan bagi sektor pelancongan di dalam dan luar negara. Maka dalam Mesyuarat Agung pada hari ini juga, Anggota Lembaga akan mengemukakan cadangan dan usul bagi KAKIB untuk meneruskan aktiviti pelancongan tersebut dan diharap mendapat sokongan serta bantuan daripada seluruh anggota KAKIB. Peluang perlu diberikan kepada anggota lembaga dengan kerjasama dari pihak pengurusan ianya akan memberikan pulangan dan dapat meningkatkan prestasi kewangan KAKIB pada masa akan datang.

Dalam tahun 2021 ini dan juga pada tahun-tahun yang mendatang, pastinya akan terus memberikan cabaran dan tekanan kepada KAKIB mahupun anak syarikat subsidiarinya dari pelbagai sudut dengan persaingan serta persekitaran ekonomi global dan tempatan yang lebih mencabar. Walau apapun cabaran yang mendatang, beliau percaya dengan sokongan, bantuan, bimbingan dan khidmat nasihat daripada pihak SKM, ANGKASA serta agensi-agensi yang berkaitan, KAKIB pastinya akan mampu mengekalkan tahap prestasi yang tinggi di samping terus relevan dalam memanisfestasikan objektif, visi dan misi KAKIB selaras dengan aspirasi dan mandat anggota-anggota KAKIB keseluruhannya.

Di akhir ucapan, beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang bertungkus lumus dalam merancang, menyusun dan mengatur cara untuk melaksanakan Mesyuarat Agung Tahunan pada kali ini. Kerjasama erat yang ditunjukkan ini, akan memberikan impak positif, terhadap kemajuan organisasi KAKIB secara keseluruhannya.

B. PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA

AGENDA 1 – Pengundian Pemilihan Anggota Lembaga

- 1.1 Pengerusi KAKIB mengumumkan seramai sembilan (9) anggota KAKIB telah mengemukakan pencalonan bagi mengisi lima (5) kekosongan jawatan Anggota Lembaga.
- 1.2 Pemilihan Anggota Lembaga telah dilaksanakan secara undian melalui atas talian dan dipantau oleh Juruaudit Luar, ARA Associates dan pihak yang tidak berkepentingan iaitu Puan Norlida binti Dahalan dengan dua (2) orang pembantu.

- 1.3 Proses pengundian telah bermula jam 8.30 pagi dan tamat pada jam 3.30 petang. Keputusan undian bagi anggota KAKIB yang dipilih akan diumumkan semasa perbincangan Agenda 18 di dalam Majlis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-95.

C. MAJLIS PERASMIAN

Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan ke 94 Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia, Encik Wan Abdul Halim bin Wan Abdul Razak, Timbalan Pengarah (1), Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Negeri Perak.

Di dalam ucapannya, beliau mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya, beliau diberi kesempatan untuk bersama-sama hadir secara atas talian bersama-sama dengan anggota KAKIB bagi menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad yang Ke-95. Beliau juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada koperasi yang sudi mengundang SKM Perak untuk merasmikan mesyuarat agung pada kali ini.

Beliau seterusnya menyampaikan salam daripada Tuan Pengarah SKM Perak, Encik Meor Mohammad Shariffudin bin Meor Yahya yang tidak dapat merasmikan mesyuarat agung ini disebabkan mempunyai tugas rasmi lain yang tidak dapat dielakkan.

Beliau dapat melihat kesungguhan dan komitmen para anggota Koperasi yang meluangkan hari minggu untuk hadir secara atas talian ke Mesyuarat Agung ini dan menunaikan tanggungjawab sebagai anggota KAKIB. Beliau berasa amat gembira kerana dengan kehadiran anggota KAKIB, telah membuktikan komitmen yang masih terus utuh di dalam menyokong aktiviti dan menentukan arah tuju KAKIB walaupun kaedah mesyuarat agung diadakan secara norma baru berikutan pandemik Covid-19 yang sedang melanda dunia ketika ini.

Perkara ini adalah selaras dengan arahan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar yang menetapkan **bahawa tiap-tiap koperasi hendaklah mematuhi Tatacara Pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Semasa Pandemik Covid-19 yang dikeluarkan pekelilingnya oleh SKM pada 31 Mac 2021**. Jika pada tahun lepas semua koperasi mendapat pengecualian untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan namun tidak lagi pada tahun ini. Beliau mengucapkan syabas kepada koperasi kerana berjaya mengadakan mesyuarat agung tahunan dan kepada para anggota di atas semangat, komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan.

Beliau turut merasa bangga melihat perjalanan koperasi yang telah berusia 98 tahun yang mana telah didaftarkan sejak 27 Julai 1923. Beliau memaklumkan KAKIB tergolong didalam 10 buah koperasi terbesar di negeri Perak dan telah diiktiraf sebagai antara peneraju koperasi kredit di negeri Perak dengan aset terkumpul berjumlah RM113 juta dan anggota seramai 6,597 setakat 31 Disember 2020.

Koperasi juga didapati telah menawarkan pelbagai aktiviti selain aktiviti kredit iaitu aktiviti ar-rahnu, pelancongan, aktiviti pengguna, pelaburan dan sewaan bangunan yang mana ia dijalankan melalui koperasi atau subsidiari koperasi sendiri. Beliau sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua pihak terutamanya Anggota Lembaga dan Pengurusan Koperasi yang telah berusaha gigih membangunkan Koperasi ini sehingga ke tahap ini.

Beliau menyatakan pada masa sekarang banyak perniagaan yang terkesan semasa pandemik ini. Tidak terkecuali juga dengan sektor Koperasi. Jika dilihat dari prestasi kewangan Koperasi yang diaudit, pendapatan KAKIB menunjukkan penurunan pendapatan sebanyak 5% berbanding 2019 iaitu sebanyak RM9,770,541 (2020) berbanding RM10,382.196 (2019). Namun KAKIB masih mampu memberikan agihan dividen yang konsisten seperti tahun sebelumnya iaitu Modal Syer 8% dan Modal Yuran 7.1%. Beliau berharap agar semua anggota Koperasi akan terus memberikan sokongan kepada Koperasi dalam mengharungi masa yang mencabar ini.

Beliau menegaskan bahawa dalam sesebuah Koperasi, pengurusan adalah sangat penting. Koperasi hendaklah mematuhi segala perundangan Koperasi serta meningkatkan kaedah pengurusan dan memantapkan kawalan dalaman dengan lebih efektif bagi memastikan Koperasi diurus secara telus serta berhemat. Penemuan, syor dan cadangan yang terkandung dalam laporan pengurusan daripada juruaudit luar serta pandangan dari Suruhanjaya tersebut hendaklah diambil tindakan yang sewajarnya bagi memperbaiki kawalan atau kelemahan yang telah dikenal pasti.

Beliau memaklumkan bahawa kerajaan juga telah mengumumkan Pakej Perlindungan Rakyat dan pemulihan Ekonomi (PEMULIH) pada 28 Jun 2021 bagi menyokong Pelan Pemulihan Negara (PPN) melalui pendekatan secara holistik bagi melindungi rakyat serta sektor ekonomi yang terjejas sepanjang fasa dalam PPN. Sektor koperasi juga tidak terkecuali apabila menerima peruntukan RM20 juta bagi program Pembiayaan Intervensi Pemulihan Ekonomi Koperasi. Program ini membolehkan usahawan menjalankan aktiviti ekonomi secara berkumpulan melalui koperasi, termasuk memasarkan produk melalui platform dalam talian serta menggalakkan pembelian barangan di kedai koperasi. Ini menunjukkan Kerajaan amat prihatin dan berusaha untuk membantu sektor koperasi yang terjejas.

Beliau seterusnya memaklumkan bahawa SKM telah memperkenalkan penubuhan federasi koperasi menurut sektor ekonomi. Beliau percaya KAKIB telah menghadiri Webinar Memperkasakan Gerakan Koperasi Malaysia pada 11 Ogos 2021 yang lalu yang mewar-warkan penubuhan Federasi Koperasi Perkhidmatan Kewangan Malaysia Berhad. Kewujudan federasi ini bertujuan menyatukan semua koperasi yang menjalankan aktiviti yang sama di bawah satu sektor ekonomi. Terdapat 6 sektor ekonomi federasi iaitu :-

- a) perkhidmatan kewangan
- b) pertanian & industri asas tani
- c) pemborongan & peruncitan
- d) perladangan
- e) pelancongan, penjagaan diri & kesihatan
- f) hartanah

Tujuan penubuhan federasi ini ialah untuk mentransformasikan gerakan koperasi ke tahap yang lebih mantap dan profesional dengan aktiviti pengumpulan modal, kepakaran dan tenaga yang membolehkan koperasi terlibat dalam aktiviti berskala lebih besar disamping memperkukuhkan daya saing sesebuah koperasi.

Beliau berharap agar Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad dapat menyertai federasi perkhidmatan kewangan bersesuaian dengan aktiviti utama koperasi. Berdasarkan perangkaan tahun 2019, perolehan sektor perkhidmatan kewangan koperasi menyumbang RM38.09 bilion iaitu 83% dari keseluruhan perolehan gerakan koperasi bagi tahun 2019 yang berjumlah RM45.79 bilion.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi juga telah membangunkan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025 yang dilancarkan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin pada 30 Mac 2021 sebagai asas dalam merangka hala tuju pembangunan gerakan koperasi negara. Ia adalah satu usaha untuk memperkasakan gerakan koperasi sebagai satu medium untuk meningkatkan pendapatan dan tahap sosioekonomi masyarakat terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah (B40). Galakan berterusan akan diberi bagi menangani isu berkaitan peningkatan kos sara hidup bagi menambahbaik kesejahteraan anggota koperasi serta memudahcara perniagaan yang boleh menghasilkan pulangan yang tinggi. Walau bagaimanapun, kejayaan proses transformasi ini bergantung kepada bantuan, kerjasama dan usaha baik daripada semua pihak berkepentingan.

Beliau juga memaklumkan bahawa pada hari ini adalah merupakan hari pemilihan Anggota Lembaga Koperasi yang baru bagi menggantikan anggota yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka. Beliau telah berpesan kepada semua anggota, agar menggunakan peluang keemasan ini dengan bijaksana dan matang dalam menentukan pucuk pimpinan bagi memastikan kelangsungan koperasi ini. Kepada mereka yang bertanding, beliau berharap agar telah melengkapkan diri dari segala sudut terutamanya dari sudut keilmuan dan sahsiah, integriti serta bersedia memberi khidmat dengan penuh komitmen dan ikhlas kepada Koperasi.

Beliau sekali lagi mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua anggota lembaga, pihak pengurusan dan kakitangan Koperasi yang telah memberi kerjasama, sumbangan dan sokongan kepada kejayaan KAKIB di sepanjang tahun. Beliau mendoakan agar mesyuarat agung tahunan koperasi berjalan dengan lancar dan menganggap kejayaan pada hari ini adalah sebagai satu cabaran untuk lebih cemerlang di masa hadapan. Dengan lafaz mulia Bismillahirrahmanirrahim, beliau dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad yang Ke-95.

AGENDA 2 – Pelantikan Pengerusi Majlis Mesyuarat Agung - Uuk 34 (1)

- 2.1 Setiausaha KAKIB, Encik Mohd Hasrizad bin Zaman (26660) mengucapkan salam dan berterima kasih kepada semua anggota KAKIB yang berada dalam talian untuk memulakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 95 Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB). Beliau seterusnya mempersilakan kepada semua anggota yang hadir untuk mencadangkan pelantikan Pengerusi mesyuarat dan Pencatat minit mesyuarat bersesuaian dengan Peraturan 3 dan 7 Etika Mesyuarat Agung.

Pengerusi Mesyuarat

Encik Azuwan Shah bin Mohd Sharif (28150) mencadangkan Encik Zulkimi bin Hussain (19387) untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan pada kali ini. Cadangan beliau telah disokong oleh Tuan Haji Ahmad Bakary bin Ashaari, A.M.P., P.P.T., P.P.N., P.K.T. (8591). Majlis Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

Setiausaha Mesyuarat

Encik Razmi bin Hashim, P.P.T. (17406) mencadangkan Encik Mohd Hasrizad bin Zaman (26660) sebagai setiausaha mesyuarat bagi mencatat minit. Cadangan beliau telah disokong oleh YM Raja Sakri bin Raja Dollah (28597). Majlis Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 3 – Perutusan Pengerusi Majlis Mesyuarat Agung

- 3.1 Pengerusi Mesyuarat mengucapkan terima kasih dan salam sejahtera kepada semua anggota yang hadir secara maya di dalam Mesyuarat Agung Tahunan ke 95 Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB). Beliau juga mengumumkan jumlah anggota yang telah mendaftar dalam sistem setakat ini adalah seramai 4,250 anggota dan kehadiran dalam talian secara maya untuk Mesyuarat Agung adalah seramai 1,100 anggota.
- 3.2 Pengerusi Mesyuarat juga mengingatkan semua anggota yang hadir mematuhi Etika Mesyuarat Agung secara atas talian sepertimana yang tertera pada muka surat 11 di Buku Laporan Tahunan. Beliau seterusnya berharap agar Mesyuarat Agung Tahunan ini dapat berjalan dengan lancar mengikut agenda-agenda yang telah ditetapkan.

AGENDA 4 – Melantik Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada 6 (Enam) Anggota Dan 4 (Empat) Anggota Lembaga Untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 94

- 4.1 Tuan Haji Ahmad Bakary bin Ashaari, A.M.P., P.P.T., P.P.N., P.K.T. (8591) mencadangkan anggota KAKIB yang telah dilantik pada Mesyuarat Agung yang lalu dilantik semula sebagai Ahli Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 95 Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) dengan syarat anggota berkenaan hadir dan berada di dalam mesyuarat pada hari ini. Majlis Mesyuarat bersetuju dengan sebulat suara melantik 6 (enam) anggota KAKIB seperti berikut :-

4.1.1	Encik Md Yusuf bin Ahmad	(21652)
4.1.2	Encik Muhammad Shuhaimi bin Abd Latib, P.J.K.	(13576)
4.1.3	Tuan Haji Aziz bin Haji Osman	(14707)
4.1.4	Encik Haroun Agoes Salim bin Shafie	(27038)
4.1.5	Encik Mohd Nazri bin Mat Ail	(25186)
4.1.6	Encik Razmi bin Hashim, P.P.T.	(17406)

Nota :-

Pengerusi Mesyuarat memaklumkan empat (4) Anggota Lembaga untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 95 akan dilantik di kalangan Anggota Lembaga dalam Mesyuarat Anggota Lembaga KAKIB kemudian.

- 4.2 Sebelum meneruskan ke Agenda 4, Setiausaha KAKIB telah memaklumkan tambahan dan pindaan yang terdapat pada agenda mesyuarat bermula dari Agenda 15 hingga Agenda 19. Beliau seterusnya memaklumkan terdapat pindaan/pembetulan di Buku Laporan Tahunan di muka surat 10, 20, 25, 35, 43, 95, 97, 136 dan 169. Tambahan dan pindaan ini telah dipaparkan dan diambil maklum oleh sidang mesyuarat secara maya.

AGENDA 5 – Pengesahan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke 94 Yang Telah Diadakan Pada 09 Jun, 2019

- 5.1 Encik Mohd Hasrizad bin Zaman (26660) selaku Setiausaha KAKIB telah membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 94 yang telah diadakan pada 09 Jun 2019 (Ahad) di Dewan Jubli Perak, Politeknik Ungku Omar, Jalan Raja Musa Mahadi, Ipoh, Perak Darul Ridzuan seperti di muka surat 12 hingga 20 Buku Laporan Tahunan untuk diterima dan diluluskan.

- 5.2 Tuan Haji Ahmad Bakary bin Ashaari, A.M.P., P.P.T., P.P.N., P.K.T. (8591) mencadangkan agar Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 94 yang telah diadakan pada 09 Jun 2019 untuk diterima dan disahkan dengan pindaan.
- 5.3 Encik Razmi bin Hashim, P.P.T. (17406) ingin mendapatkan penjelasan berkaitan perkara 5.2 di muka surat 15. Pengerusi mesyuarat memaklumkan bahawa perkara tersebut adalah berkaitan dengan tadbir urus dan pengurusan KAKIB serta tidak perlu dinyatakan secara terperinci butiran perbelanjaan bagi setiap ALK dan memadai hanya menyatakan jumlah perbelanjaan terkumpul bagi setiap ALK untuk tahun tersebut seperti Laporan Teraudit di muka surat 136. Majlis mesyuarat mengambil maklum di atas perkara ini. Encik Razmi bin Hashim, P.P.T. (17406) seterusnya menyokong Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke 94 ini diluluskan dengan pindaan.

AGENDA 6 – Menimbang Laporan-Laporan Lembaga Dan Jawatankuasa Audit Dalam dan Pandangan Ketua Pendaftar Mengenai Akaun-Akaun Beraudit Dan Laporan Lembaga Koperasi

- 6.1 Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (19985) selaku Bendahari KAKIB membentangkan laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam dan pandangan Ketua Pendaftar mengenai akaun-akaun beraudit dan laporan Lembaga Koperasi seperti di muka surat 21 hingga 52 Buku Laporan Tahunan untuk diterima dan diluluskan.
- 6.2 Tuan Haji Ahmad Bakary bin Ashaari, A.M.P., P.P.T., P.P.N., P.K.T. (8591) meminta agar segala penemuan dan teguran daripada JAD dan pandangan Ketua Pendaftar mengenai akaun-akaun beraudit perlulah diambil perhatian yang bersungguh-sungguh agar tidak berulang lagi pada masa akan datang. Beliau seterusnya mencadangkan agar laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam dan pandangan Ketua Pendaftar mengenai akaun-akaun beraudit dan laporan Lembaga Koperasi seperti di muka surat 21 hingga 52 untuk diterima dan disahkan.
- 6.3 Encik Muthusamy a/l Pitchay (12258) bertanya soalan berkaitan perkara 4.6 Hartanah dan Sewaan Bangunan di muka surat 40 iaitu mengenai terdapat satu (1) lagi kekosongan tapak tanah perumahan di atas Lot 116174, Mukim Sungai Terap, Daerah Kinta dan mengapa perkara ini tidak diwar-warkan kepada anggota. Pengerusi mesyuarat memaklumkan bahawa bidang kuasa tersebut adalah di bawah Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah dan boleh terus dengan mereka untuk sebarang urusan dan pertanyaan mengenai kekosongan tapak tanah perumahan tersebut. Beliau seterusnya memaklumkan bahawa kerja-kerja bagi projek ini sedang berjalan pada ketika ini dan dijangka akan disiapkan dalam tempoh sembilan (9) bulan. Encik Muthusamy a/l Pitchay (12258) menyokong Agenda 6 agar ini diluluskan.

AGENDA 7 – Menimbang Dan Meluluskan Akaun-Akaun Teraudit Bersama Dengan Laporan Juruaudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

- 7.1 Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (19985) selaku Bendahari KAKIB membentangkan akaun-akaun teraudit bersama dengan laporan Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dari muka surat 53 hingga 89.

- 7.2 Puan Marhamah binti Mohamad (26115) mencadangkan agar akaun-akaun teraudit bersama dengan laporan Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dari muka surat 53 hingga 89 ini disahkan dan diterima. Cadangan ini telah disokong oleh Puan Nujaimi binti Ahmad Bakary (26493).

AGENDA 8 – Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Untuk Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

- 8.1 Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (19985) selaku Bendahari KAKIB membentangkan cadangan Pembahagian Keuntungan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 di muka surat 60 untuk diterima dan diluluskan.
- 8.2 Tuan Haji Mohd Rosli bin Haji Basri (5469) mencadangkan agar Agenda 8 ini diterima dan disahkan. Cadangan ini disokong oleh Tuan Haji Ahmad Bakary bin Ashaari, A.M.P., P.P.T., P.P.N., P.K.T. (8591). Majlis Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 9 – Menimbang Dan Meluluskan Akaun-Akaun Teraudit Bersama Dengan Laporan Juruaudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

- 9.1 Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (19985) selaku Bendahari KAKIB membentangkan akaun-akaun teraudit bersama dengan laporan Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 dari muka surat 94 hingga 138.
- 9.2 Encik Amir Hamzah bin Yakat Ali (29686) membuat pertanyaan berkaitan Laporan Juruaudit Luar di muka surat 98 iaitu mengenai tempoh sah ARA Associates sebagai juruaudit luar kepada KAKIB. Pengerusi mesyuarat menjelaskan bahawa pada setiap tahun akan dibuat pemilihan bagi melantik juruaudit luar untuk mengaudit akaun-akaun KAKIB serta subsidiarinya. Encik Amir Hamzah bin Yakat Ali (29686) seterusnya mencadangkan supaya Agenda 9 ini diterima dan disahkan.
- 9.3 Encik Shamsuddin bin Din (15798) menyokong cadangan ini. Beliau seterusnya membuat pertanyaan berkaitan bagaimana perbelanjaan dibuat oleh KAKIB dalam tahun 2021 memandangkan tiada MAT dibuat pada tahun 2020 yang menyebabkan peruntukan untuk tahun 2021 tidak dibentang serta diluluskan terlebih dahulu. Pengerusi mesyuarat memaklumkan bahawa KAKIB telah mendapat kelulusan daripada SKM untuk tidak mengadakan MAT pada tahun 2020. Laporan kewangan teraudit juga telah dihantar kepada SKM bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 dan telah diluluskan pembayaran dividen kepada anggota tanpa mengadakan MAT terlebih dahulu.

AGENDA 10 – Meluluskan Cadangan Pembahagian Keuntungan Untuk Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020

- 10.1 Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (19985) selaku Bendahari KAKIB membentangkan cadangan Pembahagian Keuntungan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 di muka surat 102 untuk diterima dan diluluskan.
- 10.2 Encik Razmi bin Hashim, P.P.T. (17406) mencadangkan agar Pembahagian Keuntungan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 di muka surat 102 untuk diterima dan diluluskan. Cadangan beliau telah disokong oleh YM Raja Sakri bin Raja Dollah (28597). Majlis Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 11 – Membentangkan Dan Meluluskan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2021 Dan 2022 Untuk Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad, Unit Jualan KAKIB Dan Ar Rahnu KAKIB

- 11.1 Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (19985) selaku Bendahari KAKIB membentangkan Agenda 11 iaitu membentangkan dan meluluskan Anggaran Belanjawan bagi tahun 2021 dan 2022 untuk Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad di muka surat 139-140, Unit Jualan KAKIB di muka surat 141 dan Ar Rahnu KAKIB di muka surat 142.
- 11.2 Encik Amir Hamzah bin Yakat Ali (29686) mencadangkan agar Agenda 11 ini diterima serta diluluskan. Cadangan ini telah disokong oleh Encik Azuwan Shah bin Mohd Sharif (28150).

AGENDA 12 – Menimbang Dan Meluluskan Akaun-Akaun Teraudit Kakib Safar Tarvel & Tours Sdn. Bhd. Bersama Dengan Laporan Juruaudit Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

- 12.1 Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (19985) selaku Bendahari KAKIB membentangkan Agenda 12 iaitu menimbang dan meluluskan akaun-akaun teraudit KAKIB Safar Tarvel & Tours Sdn. Bhd. bersama dengan laporan juruaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dari muka surat 143 hingga 168.
- 12.2 Encik S. Devanthiran a/l Sivanirulan (27672) mencadangkan agar akaun-akaun teraudit KAKIB Safar Tarvel & Tours Sdn. Bhd. bersama dengan laporan juruaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dari muka surat 143 hingga 168 diterima dan diluluskan. Cadangan ini telah disokong oleh Tuan Haji Aziz bin Haji Osman (14707).

AGENDA 13 – Membentangkan Dan Meluluskan Anggaran Belanjawan Bagi Tahun 2021 Dan 2022 Untuk KAKIB Safar Travel & Tours Sdn. Bhd. – Pelancongan Dan KAKIB Safar Travel & Tours Sdn. Bhd. – Coopfarmasi

- 13.1 Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (19985) selaku Bendahari KAKIB membentangkan Agenda 13 iaitu membentangkan dan meluluskan Anggaran Belanjawan bagi tahun 2021 dan 2022 untuk KAKIB Safar Travel & Tours Sdn. Bhd. – Pelancongan dan KAKIB Safar Travel & Tours Sdn. Bhd. – Coopfarmasi di muka surat 169 dan 170.
- 13.2 Encik Razmi bin Hashim, P.P.T. (17406) mahukan pencerahan berkaitan dengan pendapatan pada tahun 2019 bagi perniagaan pelancongan adalah sebanyak RM1.5 juta tetapi keuntungan yang diperolehi hanya sebanyak RM2,869 dan juga mengenai pembayaran gaji kepada pekerja KSTT adakah dibayar oleh KAKIB. Beliau juga membuat pertanyaan berkaitan pandangan daripada SKM bagi tahun kewangan 2018 perkara (a) Pendahuluan Haji Mohamed bin Jamaluddin (Nota 14) berjumlah RM247,691 dalam tahun kewangan 2018. Pengerusi mesyuarat menjelaskan bahawa berkaitan pendapatan dan keuntungan Pelancongan KSTT pada tahun 2019 seperti yang tertera pada muka surat 154, ALK mendapati terdapat sesuatu yang meragukan dalam pengurusan kewangan syarikat. Melihat kepada kos operasi yang terlalu tinggi yang mungkin disebabkan oleh pengurusan kewangan yang tidak berhemah dan berdasarkan keadaan kewangan semasa Pelancongan KSTT ini, ALK telah membuat keputusan untuk menggantung operasi Pelancongan KSTT daripada menanggung lebih banyak kerugian.

- 13.3 Encik Razmi bin Hashim, P.P.T. (17406) seterusnya membuat pertanyaan adakah perniagaan Pelancongan KSTT ini akan dibuka kembali nanti dan sekiranya perlu maka sememangnya perlu untuk diluluskan anggaran perbelanjaan dan pendapatan bagi aktiviti perniagaan ini. Pengerusi mesyuarat memaklumkan bahawa siasatan akan dibuat serta tindakan akan diambil keatas pengurusan Pelancongan KSTT dan akan dimaklumkan dalam MAT akan datang. Operasi Pelancongan KSTT ini akan dijalankan semula dengan teratur dan sistematik setelah segala masalah pengurusan diatasi. Pengerusi mesyuarat juga memaklumkan berkaitan pandangan SKM mengenai pendahuluan Haji Mohamed bin Jamaluddin bagi tahun kewangan 2018 telahpun diambil tindakan oleh pihak pengurusan KAKIB dan pada masa ini tiada lagi pandangan berulang/berbangkit daripada SKM berhubung isu tersebut. Pendahuluan tersebut telah diselaraskan dengan syer yang diletakkan sepenuhnya 100% berjumlah RM300 ribu atas nama KAKIB.
- 13.4 Pengerusi mesyuarat memberikan penjelasan berkaitan isu gaji pekerja di Pelancongan KSTT yang sebelum ini dibayar oleh KAKIB, namun selepas ini perkara tersebut akan diambil tindakan pembetulan dengan membentangkan anggaran perbelanjaan dan pendapatan bagi subsidiari KAKIB ini dengan mengambilkira perbelanjaan untuk gaji pekerja yang akan diuruskan sendiri oleh pengurusan Pelancongan KSTT ini apabila kembali beroperasi kelak. Lembaga Pengarah syarikat yang baru juga telah dilantik dalam memastikan urusan operasi KSTT ini dijalankan dengan telus dan teratur.
- 13.5 Encik Razmi bin Hashim, P.P.T. (17406) mengucapkan tahniah kepada barisan ALK dan pengurusan KAKIB kerana bagi tahun 2020 telah terdapat anggaran bagi Pelancongan KSTT ini selaras dengan saranan daripada anggota dalam MAT yang lalu. Beliau seterusnya mencadangkan supaya Agenda 13 ini diterima dan diluluskan. Cadangan ini telah disokong oleh Encik Zulkarnain bin Kamaruddin (28736).

AGENDA 14 – Meluluskan Pelantikan Satu Panel Yang Terdiri Daripada Firma Audit Berikut Untuk Mengaudit Akaun-Akaun Tahun 2021

- 14.1 Pengerusi telah membentangkan empat (4) buah firma audit untuk dilantik bagi mengaudit akaun-akaun Tahun 2021 seperti berikut :-
- 14.1.1 Tetuan Atarek Kamil Ibrahim & Co., No. 51, Tingkat 3, Wisma Jauhari, Lengkok Kledang Jaya, Taman Kledang Jaya, 30100, Ipoh, Perak.
 - 14.1.2 Tetuan Hisham & Co (AF 1491), 5B-2, 2nd Level, Persiaran Greentown 5, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh, Perak.
 - 14.1.3 ARA Associates (SKM (A) 0477), Persiaran Pengkalan Timur 26, Medan Pengkalan Impian, 31650 Ipoh, Perak.
 - 14.1.4 Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- 14.2 Encik Shamsuddin bin Din (15798) mencadangkan pelantikan satu panel Firma Audit untuk mengaudit akaun-akaun KAKIB bagi tahun 2021 dibuat atas budi bicara barisan Lembaga Koperasi dan disokong oleh Encik Razmi bin Hashim, P.P.T. (17406). Majlis Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 15 – Usul Dan Pemakluman Dari Anggota Lembaga KAKIB

- 15.1 Encik Mohd Hasrizad bin Zaman (26660) selaku Setiausaha KAKIB membentangkan usul dan pemakluman dari Anggota Lembaga KAKIB untuk dibincangkan oleh Majlis mesyuarat seperti berikut :-

Bil.	Pencadang	Usul/Cadangan	Ulasan			
			Tahun	Pendapatan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Untung Bersih (RM)
1.	Anggota Lembaga KAKIB	Cadangan penubuhan Ar Rahnu ke-2 KAKIB bertempat di bangunan rumah kedai milik KAKIB di Silibin Business Centre				
			2018	1,367.20	49,689.48	21,677.20
			2019	122,038.18	55,107.41	66,930.77
			2020	134,617.60	67,196.49	67,421.00
			KAKIB mempunyai cukup kesediaan untuk membuka cawangan Ar Rahnu :- a) Melalui pengalaman yang telah ditempohei selama tiga (3) tahun pembukaan Ar Rahnu KAKIB, telah memberikan keyakinan yang tinggi aktiviti Ar Rahnu ini menjana pendapatan kepada KAKIB. b) Pekerja-pekerja Ar Rahnu yang telah terlatih sepenuhnya akan dapat memastikan aktiviti cukup mampu untuk dibuka. c) KAKIB mempunyai modal yang secukupnya bagi melaksanakan Ar Rahnu kedua dengan menggunakan dana dalaman koperasi. KAKIB akan membuka cawangan Ar Rahnu yang kedua di Silibin :- a) Lokasi tersebut amat strategik iaitu berada di tengah-tengah pusat perdagangan dan perumahan awam yang dihuni oleh pelbagai kaum. b) Tiada Ar Rahnu yang berhampiran dengan lokasi cadangan.			
2.	Anggota Lembaga KAKIB	Cadangan pemakluman pemberian pendahuluan berjumlah RM250,000.00 pada tahun 2021 kepada Coopfarmasi KAKIB (di bawah subsidiari KSTT) dan permohonan pemberian pendahuluan kepada Pelancongan KSTT sebanyak RM250,000.00 untuk tahun 2022	Untuk memastikan dua (2) bidang perniagaan di bawah subsidiari KAKIB (KSTT Sdn. Bhd.) dapat beroperasi, suatu peruntukan perlu dipertimbang dan diluluskan dalam MAT.			

- 15.2 Encik Zulkarnain bin Kamaruddin (28736) telah menyatakan pendapat bahawa tidak dinyatakan kos untuk usul menubuhkan Ar Rahnu kedua ini dan beranggapan akan melibatkan kos perniagaan yang tinggi tetapi mempunyai pulangan yang lambat. Isu kedua yang dibangkitkan adalah berkaitan bangunan rumah kedai milik KAKIB yang akan digunakan untuk penubuhan Ar Rahnu kedua ini tidak mempunyai pendapatan/pulangan pada ketika ini dan memandangkan KAKIB perlu membuat bayaran balik pinjaman TMP kepada SKM lebih kurang RM7,000 sebulan. Beliau mahukan suatu pengiraan kos (unjuran pendapatan) perlu dibuat untuk melihat samada dapat menampung kadar bayaran bulanan TMP atau sebaliknya.
- 15.3 Pengerusi mesyuarat menjelaskan bahawa untuk penubuhan Ar Rahnu kedua ini, anggaran kos yang terlibat sebanyak lebih kurang RM500 ribu. Beliau turut memaklumkan bahawa kos yang terlibat semasa penubuhan Ar Rahnu yang pertama adalah sebanyak RM300 ribu sahaja. Jika dilihat kepada prestasi Ar Rahnu yang pertama pada masa ini telahpun menunjukkan pulangan keuntungan yang baik. Kos penubuhan ini menggunakan model daripada koperasi juga iaitu daripada pihak Koperasi SKOMK, Teluk Intan. Beliau seterusnya memaklumkan berkaitan bangunan rumah kedai milik KAKIB di Silibin yang dibeli melalui pinjaman TMP daripada SKM dengan kadar faedah yang rendah dan ia juga merupakan aset kepada KAKIB. Sebelum ini, premis tersebut telah disewa oleh pengurusan Pelancongan KSTT yang kini telah dipindahkan ke bangunan bersekali dengan Pejabat Pengurusan KAKIB untuk tujuan mengurangkan kos operasi yang ditanggung oleh subsidiari KAKIB tersebut. Barisan ALK dan pihak pengurusan KAKIB berpendapat aktiviti perniagaan Ar Rahnu ini dapat menjaga pendapatan tambahan kepada KAKIB dari semasa ke semasa.
- 15.4 Encik Razmi bin Hashim, PPT (17406) menyokong usul dan cadangan yang dibawa oleh barisan ALK memandangkan pada masa ini aktiviti perniagaan Ar Rahnu telah menunjukkan pulangan dan keuntungan kepada KAKIB. Perkara ini penting untuk mengembangkan lagi aktiviti perniagaan KAKIB seterusnya menjaga pendapatan.
- 15.5 Pengerusi mesyuarat menyatakan bahawa pendapatan utama kepada KAKIB adalah daripada aktiviti pembiayaan iaitu sebanyak 86% dan kedua adalah daripada perniagaan Ar Rahnu.
- 15.6 Tuan Haji Mohd Rosli bin Haji Basri (5469) turut bersetuju dengan cadangan penubuhan Ar Rahnu kedua ini kerana koperasi tidak boleh hanya bergantung kepada aktiviti kredit sahaja. Beliau juga turut menyatakan bahawa cadangan dan pandangan yang telah diutarakan oleh Encik Zulkarnain bin Kamaruddin (28736) adalah sesuatu yang baik.
- 15.7 Pengerusi mesyuarat mengucapkan terima kasih diatas pandangan serta cadangan yang telah diberikan dan akan memberikan perhatian terhadap cadangan dan pandangan tersebut. Beliau seterusnya memaklumkan bahawa untuk cadangan pemakluman berkaitan usul yang kedua adalah perlu dimaklumkan kepada anggota dalam MAT serta perlu mendapat kelulusan MAT dan perkara ini telah dirujuk kepada pihak SKM.
- 15.8 Encik Zulkarnain bin Kamaruddin (28736) menyatakan cadangan bahawa bagi perniagaan Pelancongan dan Coopfarmasi juga perlu dinyatakan suatu unjuran yang jelas dari segi anggaran pendapatan yang akan diperolehi berdasarkan kepada pendahuluan yang diberikan. Beliau juga menyatakan pendapat bahawa perlu diberikan perhatian yang serius berkaitan pengurusan operasi perniagaan subsidiari KAKIB ini dalam memastikan tiada lagi teguran dan penemuan daripada SKM dan perancangan yang teratur dalam menjalankan perniagaan tersebut.

15.9 Pengerusi mesyuarat memaklumkan akan mengambil perhatian terhadap cadangan dan pandangan tersebut. Walau bagaimanapun, cadangan pemakluman ini perlu diluluskan memandangkan kedua-dua bidang perniagaan ini adalah dibawah satu anak syarikat yang sama.

15.10 YM Raja Sakri bin Raja Dollah (28597) menyokong usul kedua daripada ALK.

AGENDA 16 – Memberi Kuasa Kepada Lembaga Koperasi Untuk Menjalankan Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Berlebihan Koperasi Tidak Melebihi Ringgit Malaysia Sepuluh Juta (RM10 Juta)

16.1 Pengerusi mesyuarat telah membentangkan kepada Majlis Mesyuarat untuk memberi kuasa kepada Lembaga Koperasi untuk menjalankan pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan koperasi tidak melebihi Ringgit Malaysia Sepuluh Juta (RM10 Juta).

16.2 Encik Razmi bin Hashim, P.P.T. (17406) mencadangkan agenda ini diterima dan disokong oleh YM Raja Sakri bin Raja Dollah (28597). Majlis Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 17 – Memberi Kuasa Kepada Lembaga Koperasi Untuk Had Maksimum Keterhutangan Luar Dari Mana-mana Punca Tidak Lebih Dari Ringgit Malaysia Sepuluh Juta (RM10 Juta)

17.1 Pengerusi mesyuarat telah membentangkan kepada Majlis Mesyuarat untuk memberi kuasa kepada Lembaga Koperasi untuk had maksimum keterhutangan luar dari mana-mana punca tidak lebih dari Ringgit Malaysia Sepuluh Juta (RM10 Juta).

17.2 Encik Razmi bin Hashim, P.P.T. (17406) mencadangkan agenda ini diterima dan disokong oleh Encik Muhammad Shuhaimi bin Abd Latib, P.J.K. (13576). Majlis Mesyuarat bersetuju sebulat suara.

AGENDA 18 – Mengisytiharkan keputusan Undian Pemilihan Anggota Lembaga Koperasi

18.1 Pengerusi Mesyuarat memaklumkan bahawa pihak Juruaudit Luar Ara Associates telah mengesahkan keputusan undian yang telah ditutup pada jam 3.30 petang. Beliau seterusnya mengisytiharkan keputusan lima (5) orang anggota yang berjaya daripada sembilan (9) calon anggota yang bertanding sebagai Anggota Lembaga seperti berikut :-

18.1.1	Tuan Syed Mohamad Jamahalulil	(19985)	-	2803 undi
18.1.2	Encik Azizul bin Mansur	(26120)	-	2541 undi
18.1.3	Encik Mohd Shafri bin Sulaiman	(23756)	-	2361 undi
18.1.4	Encik Norhairulniza bin Noraini	(27122)	-	2340 undi
18.1.5	Encik Khairul Anuar bin Mohd. Nor	(27089)	-	2156 undi

AGENDA 19 – Mendengar Dan Memutuskan Apa-Apa Aduan Yang Suatu Notis Tidak Kurang Daripada Tujuh Hari Sebelum Mesyuarat Agung Telah Diberikan Kepada Koperasi Ini Dikemukakan Oleh Anggota Yang Terkilan Dengan Sesuatu Keputusan Lembaga Mengikut Undang-undang Kecil 33(1m)

19.1 Encik Mohd Hasrizad bin Zaman (26660) selaku Setiausaha KAKIB membentangkan usul yang telah diterima daripada anggota dan seterusnya memaklumkan majoriti barisan ALK tidak bersetuju dengan usul-usul tersebut seperti berikut :-

Sebanyak empat (4) usul telah diterima daripada anggota untuk dibawa ke Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-95. Setelah dikelaskan mengikut kategori samada ia merupakan usul atau cadangan pengurusan dan tadbir urus koperasi, hanya dua (2) sahaja dikategorikan sebagai usul seperti berikut :-

Bil.	Tarikh Terima	Usul Pertama	Pencadang
1.	20/08/2021	Saya mencadangkan KAKIB menaikkan kadar Syer Simpanan daripada RM3,000.00 kepada RM5,000.00 bagi membantu KAKIB melaksanakan dan menceburi Aktiviti Perniagaan baru.	Amir Hamzah bin Yakat Ali (29686)
2.	23/08/2021	Memohon syer simpanan ditambahkan dari RM3,000.00 kepada amaun baharu RM10,000.00.	Zarawi bin Zainudin (27173)

Majoriti ALK tidak bersetuju dengan usul ini kerana pada masa ini yang telah termaktub dalam Undang-Undang Kecil Fasal 55.(1) telah dinyatakan seperti berikut :-

Modal syer

“Menurut perenggan 50(b) Akta, setiap anggota hendaklah melanggan **RM200.00 (ringgit: dua ratus)** syer sebagai sumbangan minimum dan hendaklah dijelaskan dalam tempoh **sepuluh bulan**. Syer minimum ini tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat”.

Bermakna tiada had maksimum ditetapkan bagi modal syer ini. Pada masa ini, KAKIB memberikan kadar faedah sebanyak 8% atas modal syer dan sekiranya perkara ini mahu diluluskan nescaya akan menambahkan beban kepada koperasi. Contoh pengiraan boleh dibuat seperti berikut:

5,000 anggota melanggan modal syer minimum RM200.00 dengan kadar dividen 8%. Jumlah modal syer yang dikumpul oleh KAKIB berjumlah RM1,000,000.00 dan perlu membayar jumlah dividen RM80,000.00.

Jika 2,000.00 anggota melanggan modal syer seperti dicadangkan iaitu RM5,000.00 dengan kadar dividen 8%.

Jumlah modal syer terkumpul RM10,000,000.00 dan perlu membayar jumlah dividen RM800,000.00 iaitu terpaksa menanggung tambahan pembayaran dividen sebanyak RM720,000.00.

Dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil pada masa ini, adalah mustahil untuk koperasi menjana lebih pendapatan untuk menanggung tambahan pembayaran dividen atas modal syer ini sekiranya dinaikkan. Ia memberikan kesan jangka masa yang panjang dan secara langsung akan menjejaskan pemberian kadar dividen atas yuran kepada anggota. KAKIB juga pada masa ini masih mempunyai kecukupan modal untuk menjalankan aktiviti perniagaan sediaada.

Sekiranya usul ini mahu disokong, pindaan kepada UUK perlu dibuat terlebih dahulu. Perkara ini juga bukan sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan memandangkan syarat untuk pindaan UUK mestilah mempunyai kuorum 2/3 daripada jumlah anggota.

Bil.	Tarikh Terima	Usul Kedua	Pencadang
1.	23/08/2021	Mohon dipertimbangkan anggota boleh menambah simpanan secara one-off ke dalam akaun yuran simpanan setiap tahun seperti contoh RM5,000.00.	Zarawi bin Zainudin (27173)

Majoriti ALK tidak bersetuju dengan usul ini. Merujuk kepada UUK Fasal 56.(1) “Yuran bulanan anggota seperti diperuntukkan menurut perenggan 50(c) Akta hendaklah sekurang-kurangnya **RM60.00 (Ringgit Malaysia: enam puluh)** sebulan untuk anggota yang belum bersara dan **RM30.00 (Ringgit Malaysia: tiga puluh)** untuk yang telah bersara. Tiap-tiap anggota boleh membuat bayaran yuran yang lebih mengikut aturan yuran dan pengeluaran yuran yang dibuat oleh Lembaga dengan kelulusan mesyuarat agung”.





Merujuk kepada Aturan-Aturan Yuran dan Pengeluaran Yuran, semua bayaran yuran bulanan anggota koperasi ini hendaklah dibuat **melalui potongan gaji bulanan**. Majoriti ALK mencadangkan usul-usul ini supaya ditolak.

- 19.2 Encik Harun Agoes Salim bin Shafie (27038) menyokong cadangan daripada ALK agar usul yang pertama ditolak.
- 19.3 Encik Azuwan Shah bin Mohd Sharif (28150) menyokong cadangan daripada ALK agar usul yang kedua juga ditolak. Majlis Mesyuarat bersetuju sebulat suara.
- 19.4 Pengerusi mesyuarat memaklumkan bahawa terdapat lagi dua (2) usul yang setelah dikelaskan adalah dikategorikan sebagai cadangan pengurusan serta tadbir urus. Walau bagaimanapun, pihak pegawai koperasi bersama wakil pengurusan KAKIB telah menyediakan jawapan bertulis berhubung perkara tersebut. Semua anggota boleh mengakses dan membaca jawapan tersebut yang akan dimuatnaik di pautan khas dalam Sistem Mesyuarat Agung Tahunan (SMAT) yang telah digunakan oleh anggota semasa membuat pendaftaran dan pengundian pada MAT kali ini.

D. PENUTUP

Pengerusi Mesyuarat memohon maaf sekiranya terdapat apa-apa kesilapan yang dilakukan semasa mengendalikan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 95 Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad secara atas talian pada kali ini dan beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua anggota KAKIB yang kekal berada dalam talian sepanjang mesyuarat berlangsung. Beliau menangguhkan mesyuarat pada jam 5.30 petang.

Minit Mesyuarat Agung Tahunan ke-95 Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) yang telah diadakan pada 29 Ogos 2021 telah ditentukan pada 20 September 2021 oleh Jawatankuasa berikut :-

1.	Encik Zulkimi bin Hussain (19387)	<i>Pengerusi</i>	
2.	Tuan Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly (19985)	<i>Bendahari</i>	
3.	Encik Jamal bin Abdul Moin (20276)	<i>Anggota Lembaga</i>	
4.	Encik Mohd Shafri bin Sulaiman (23756)	<i>Anggota Lembaga</i>	
5.	Encik Md Yusuf bin Ahmad (21652)	<i>Anggota</i>	
6.	Encik Muhammad Shuhaimi bin Abd Latib, P.J.K. (13576)	<i>Anggota</i>	
7.	Tuan Haji Abdul Aziz bin Haji Osman (14707)	<i>Anggota</i>	
8.	Encik Haroun Agoes Salim bin Shafie (27038)	<i>Anggota</i>	
9.	Encik Mohd Nazri bin Mat Ail (25186)	<i>Anggota</i>	
10.	Encik Razmi bin Hashim, P.P.T. (17406)	<i>Anggota</i>	

LAPORAN TAHUNAN DAN PENYATA KIRA-KIRA

YANG BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2021

Anggota Lembaga, Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) dengan ini membentangkan Laporan Tahunan berserta dengan Penyata Kira-Kira yang telah diaudit berakhir pada 31 Disember 2021 dan segala perakuan-perakuan kepada Majlis Mesyuarat Agung Tahunan KAKIB kali ke-96.

1. PENGURUSAN KOPERASI

1.1 Anggota Lembaga

Koperasi ini ditadbirkan urus oleh lima belas (15) Anggota Lembaga untuk melaksanakan tanggungjawab mereka bersama-sama enam (6) Jawatankuasa Kecil yang telah diwujudkan dan telah mengadakan mesyuarat seperti berikut :-

1.1.1	Mesyuarat Anggota Lembaga	- 12 kali
1.1.2	Mesyuarat Khas Anggota Lembaga	- 7 kali
1.1.3	Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pembiayaan	- 12 kali
1.1.4	Jawatankuasa Kecil Pengurusan dan Pentadbiran	- 4 kali
1.1.5	Jawatankuasa Kecil Pendidikan	- 4 kali
1.1.6	Jawatankuasa Kecil Ekonomi	- 4 kali
1.1.7	Jawatankuasa Kecil Kerja/Bertindak	- 0 kali
1.1.8	Jawatankuasa Kecil Risiko	- 0 kali
1.1.9	Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib	- 1 kali

1.2 Jawatankuasa Audit Dalaman

Anggota Lembaga telah melantik seramai empat (4) orang anggota sebagai Jawatankuasa Audit Dalaman. Mereka telah mengadakan tujuh (7) kali mesyuarat dalam tempoh satu tahun.

1.3 Pekerja KAKIB Dan Subsidiari

Keseluruhan Pekerja KAKIB dan Subsidiari pada akhir tahun 2021 adalah seramai 24 orang.

Nama Jawatan	Bilangan Jawatan
Pengurus	1
Pegawai Sistem Maklumat	1
Penolong Akauntan	1
Ketua Pembantu Tadbir	1
Penyelia Ar Rahnu	1
Penaksir Ar Rahnu	1

Nama Jawatan	Bilangan Jawatan
Pembantu Tadbir	11
Pembantu Operasi	2
Pembantu Keselamatan	3
Pengurus (KSTT – Pelancongan)	0
Eksekutif Akauntan (KSTT – Pelancongan)	0
Eksekutif Pentadbiran (KSTT – Pelancongan)	0
Eksekutif Pemasaran (KSTT – Pelancongan)	0
Pegawai Farmasi (KSTT – Coopfarmasi)	1
Penyelia (KSTT – Coopfarmasi)	1
Jumlah	24

2. KEANGGOTAAN KOPERASI TAHUN 2021

2.1

Bilangan anggota pada 01.01.2021	158	6,597
Diterima masuk menjadi anggota tahun 2021		6,755
<u>Tolak</u>		
Bilangan anggota berhenti	188	
Bilangan anggota meninggal dunia	20	208
Jumlah anggota pada 31.12.2021		6,547

3. AKTIVITI KOPERASI

3.1

Modal Anggota	2021 (RM)	2020 (RM)
Yuran Simpanan	75,051,297.54	73,486,788.63
Modal Syer	2,385,852.16	2,249,725.33
Simpanan Khas Anggota	2,533,901.17	2,636,255.12

3.2

Benefit Anggota	2021 (RM)	2020 (RM)
Pembiayaan Anggota	45,602,167.28	49,367,534.33
Keuntungan Bersih Sebelum Cukai	6,620,488.64	6,840,035.52
Dividen Atas Yuran Dan Syer Yang dicadangkan	5,196,701.13	5,051,636.04

3.3 Insurans Berkelompok Sun Life Ass. Malaysia Berhad, MCIS Zurich Dan Etiqa Takaful

Syarikat Insurans	Tahun	Bil Anggota	Caruman (RM)	Komisen (RM)	Pampasan (RM)
Sun Life	2021	2,128	513,211.50	31,850.84	659,276.02
	2020	2,312	560,645.00	31,375.49	778,705.02
MCIS Zurich	2021	28	4,595.00	229.75	29,109.00
	2020	33	5206.00	260.30	17,998.00
Etiqa Takaful	2021	2,641	412,350.00	41,235.00	214,200.00
	2020	2,556	412,640.00	41,264.00	208,072.82

3.4 Insurans Am

Tahun	Bil.	Premium (RM)	Komisen (RM)	Pendahuluan Baharu Insurans (RM)
2021	63	34,16313	3,853.93	9,545.23
2020	67	44,260.09	5,269.90	13,748.10

3.5 Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori

Nilai Semasa	Pelaburan Am Al Mudharabah	Saham Tak Siar Harga	Saham Siar Harga
2021 (RM)	12,227,342.67	480,509.00	13,232.74
2020 (RM)	8,371,674.99	480,509.00	13,232.74

3.6 Unit Jualan KAKIB

Benefit Anggota	2021 (RM)	2020 (RM)
Jualan	585,662.10	556,512.60
Belian	581,458.10	552,337.60
Pembiayaan Pengguna	799,387.85	696,933.83
Keuntungan	22,526.65	36,994.37

3.7 Tabung Pendidikan Anak-Anak Anggota

3.7.1 *Derma Pelajaran Tahun 2021 (Berdasarkan keputusan peperiksaan tahun 2020)*

Bil.	Jenis Peperiksaan	Penerima Yang Layak	Bayar (RM)	Jumlah
1.	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	89	250.00	22,250.00
2.	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) Dan Setaraf	17	300.00	5,100.00
3.	Peperiksaan Matrik/Diploma Dan Setaraf (Berdasar Keputusan Semester Terakhir)	43	300.00	12,900.00

Nota :-

Senarai PENERIMA YANG LAYAK dipaparkan dalam laman sesawang KAKIB: www.kakib.my

3.8 Tabung Pendidikan Anggota (Lawatan Sambil Belajar/Kursus Anggota)

KAKIB secara berterusan sentiasa menyediakan aktiviti pendidikan dan latihan untuk anggota serta pekerja Koperasi untuk memperolehi pendidikan, latihan dan maklumat agar dapat berfungsi dengan baik dalam mengurus diri dan tadbir urus koperasi.

Bil.	Tarikh	Nama Kursus/ Tempat	Bil Peserta	Tujuan
1.	21/11/2021	Kursus Hujung Minggu Ke-56 di Pusat Seminar & Latihan KAKIB, Bandar Meru Raya	49 orang	Memberikan pendedahan kepada para anggota untuk menjadi sebagai usahawan dalam berkoperasi iaitu sebagai Sales Advisor (SA) bagi telco RedOne iaitu salah satu daripada aktiviti perniagaan KAKIB.
2.	10 – 12/12/2021	Lawatan ke Tasik Banding	24 orang	Memberikan pengajaran kepada peserta betapa pentingnya menjaga alam semulajadi dan hidupan liar untuk generasi akan datang.

3.9 **Penyata Penerima Saguhati Anggota Bersara**

Bil.	Perkara	Bilangan Penerima Yang Layak	Jumlah Keseluruhan (RM)
1.	Bayaran Saguhati Anggota Bersara	154	106,260.00

3.10 **Kumpulan Wang Khairat Kematian Anggota**3.10.1 *Penyata bayaran anggota KAKIB yang meninggal dunia dibayar dalam tahun 2021*

Bil.	Bilangan Anggota Yang Meninggal Dunia	Nilai Bayaran (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)
1.	20	1,500.00	30,000.00

3.10.2 *Penyata bayaran kepada keluarga anggota KAKIB yang meninggal dunia dibayar dalam tahun 2021*

Bil.	Hubungan	Bilangan Yang Meninggal Dunia	Nilai Bayaran (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)
1.	Suami/Isteri kepada Anggota	19	1,000.00	19,000.00
2.	Ibu/Bapa/Anak kepada Anggota	152	500.00	76,000.00

3.11 **Zakat Perniagaan KAKIB Bagi Tahun 2020 (Berdasarkan Kepada Jumlah Anggota Muslim Sahaja)**

Tarikh	Penerima	RM
20.12.2021	Pembayaran Zakat Perniagaan KAKIB Tahun 2020 telah dibuat di kaunter bayaran zakat Majlis Agama Islam Negeri Perak, Ipoh	146,054.69

3.12 Seminar, Kursus, Bengkel, Dialog, Perayaan, Mesyuarat Dan Persidangan Tahun 2021

Tarikh	Perkara/Tempat	Peserta	Tujuan/Objektif
16/02/2021	Perjumpaan Bersama Timbalan CEO ANGKASA.	1. Hj. Mohamed bin Jamaluddin, <i>Pengurus KSTT</i>	Perbincangan berkenaan program Jom Umrah bersama Coop Travel dengan kerjasama semua syarikat pelancongan di bawah ANGKASA.
20/03/2021	Mesyuarat Agung Permulaan Federasi Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan Malaysia Berhad (Dalam Penubuhan) di Hotel Tenera Bangi, Selangor.	1. En. Khairul Anuar bin Mohd. Nor, <i>Pengerusi KAKIB</i>	Menubuhkan sebuah koperasi di bawah seliaan SKM. 17 wakil koperasi seluruh negeri telah hadir secara fizikal. Federasi ini akan dianggotai oleh koperasi-koperasi dalam sektor pelancongan.
22/03/2021	Bengkel ANGKASA Bersama KOIMAN di Auditorium ANGKASA, Petaling Jaya.	1. Hj. Mohamed bin Jamaluddin, <i>Pengurus KSTT</i>	Memperkenalkan Koperasi KOIMAN dalam menjalinkan kerjasama dengan seluruh rangkaian di bawah Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan (SPPDK).
30/03/2021	Majlis Apresiasi Dan Sesi Dialog Gerakan Koperasi Negeri Perak di Hotel Casuarina@ Meru, Ipoh.	1. En. Shafri bin Sulaiman, <i>ALK</i> 2. En. Shuhaimi bin Ari, <i>ALK</i>	Penyampaian sijil dan cenderamata kepada 10 buah koperasi negeri Perak yang tersenarai dalam indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2020.

Tarikh	Perkara/Tempat	Peserta	Tujuan/Objektif
12/04/2021	Mesyuarat Majlis Perundingan Koperasi Negeri Perak (MPKN Perak) Bil.1/2021 di Hotel Casuarina @Meru, Ipoh.	1. En. Khairul Anuar bin Mohd. Nor, <i>ALK</i>	Pembentangan Program Pemerkasaan Penyeliaan Koperasi Negeri Perak 2021 berkenaan peranan SKM Negeri Perak dalam pemantauan Akta Koperasi 1993 (pindaan 2021) serta tadbir urus dan cadangan pembentukan modal insan koperasi.
16/04/2021	Taklimat Daripada Bank Muamalat Berkaitan Tawaran Pembiayaan berjumlah RM5 juta kepada KAKIB di Bilik Mesyuarat KAKIB.	15 orang ALK bersama Pengurus KAKIB	Penerangan berkaitan terma dan syarat-syarat pembiayaan yang ditawarkan.
20/04/2021	Bengkel Solusi Kewangan Islam Dalam Gerakan Koperasi 2021 di Hotel Taiping Perdana, Taiping.	1. En. Muhamad Faiz bin Ahmad Kamil, <i>PTM KAKIB</i> 2. Pn. Noor Farizah binti Osman, <i>Penyelia Ar Rahnu</i>	Taklimat berkaitan Sistem Ar Rahnu Tawaruq oleh MyAngkasa Shoraka. Pematuhan Syariah yang menyediakan platform tawaruq untuk koperasi.
22/04/2021	Perbincangan Bersama Peguam Lokman Reena & Co. Mengenai Perjanjian Berkaitan Tawaran Pembiayaan Berjumlah RM5 Juta Daripada Bank Muamalat Kepada KAKIB.	1. En. Zulkimi bin Hussain, <i>Pengerusi KAKIB</i> 2. En. Mohd Hasrizad bin Zaman, <i>Setiausaha KAKIB</i> 3. Tn. Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly, <i>Bendahari KAKIB</i> 4. En. Shahrudin bin Ali, <i>Pengurus KAKIB</i>	Pembentangan deraf fi guaman yang akan dikenakan bagi perjanjian antara KAKIB dengan Bank Muamalat.

Tarikh	Perkara/Tempat	Peserta	Tujuan/Objektif
22/06/2021	Rundingan Damai Di Bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 Mengenai Pembuangan Kerja – Hj. Mohamed bin Jamaluddin secara google meet di Bilik Mesyuarat KAKIB.	1. En. Zulkimi bin Hussain, <i>Pengerusi KAKIB</i> 2. En. Mohd Hasrizad bin Zaman, <i>Setiausaha KAKIB</i> 3. Tn. Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly, <i>Bendahari KAKIB</i>	Pertikaian mengenai tindakan buang kerja kerana salah laku dengan alasan tidak adil.
07/07/2021	Taklimat Pengendalian Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Koperasi Secara Atas Talian (eAGM, eUndi dan ePengurusan) Bersama Gerakan Koperasi Negeri Perak.	1. En. Zulkimi bin Hussain, <i>Pengerusi KAKIB</i> 2. En. Mohd Hasrizad bin Zaman, <i>Setiausaha KAKIB</i> 3. Tn. Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly, <i>Bendahari KAKIB</i>	Penekanan terhadap penganjuran MAT secara atas talian dan perlu merujuk kepada Garis Panduan daripada SKM.
07/07/2021	Taklimat Mesyuarat Agung Negeri (MAN) Perak secara Zoom Meeting di Bilik Mesyuarat KAKIB.	1. En. Zulkimi bin Hussain, <i>Pengerusi KAKIB</i> 2. En. Mohd Hasrizad bin Zaman, <i>Setiausaha KAKIB</i> 3. En. Jamal bin Abdul Moin, <i>ALK</i> 4. En. Muhamad Faiz bin Ahmad Kamil, <i>PTM KAKIB</i>	Memberikan penjelasan berkaitan perjalanan MAN yang nama dahulunya Persidangan Angkasa Negeri Perak yang akan diadakan secara atas talian pada 18/08/2021. Setiap koperasi dijemput untuk menghantar seorang wakil untuk pencalonan jawatan berikut :- i) Pengerusi JPAN ii) 11 orang Anggota JPAN iii) Perwakilan Negeri Ke MAPA iv) 2 orang Jurucakap ke MAPA

Tarikh	Perkara/Tempat	Peserta	Tujuan/Objektif
26.07.2021	Rundingan Damai Di Bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 Mengenai Pembuangan Kerja – En. Muhammad Akmal Haziq bin Busra secara google meet di Bilik Mesyuarat KAKIB.	1. En. Zulkimi bin Hussain, <i>Pengerusi KAKIB</i> 2. En. Mohd Hasrizad bin Zaman, <i>Setiausaha KAKIB</i> 3. Tn. Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly, <i>Bendahari KAKIB</i>	Pertikaian mengenai penamatan perkhidmatan secara kontrak dengan alasan tidak adil.
05/08/2021	Rundingan Damai Di Bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 Mengenai Pembuangan Kerja – Pn. Robitah binti Shamsuddin secara google meet di Bilik Mesyuarat KAKIB.	1. En. Zulkimi bin Hussain, <i>Pengerusi KAKIB</i> 2. En. Mohd Hasrizad bin Zaman, <i>Setiausaha KAKIB</i> 3. Tn. Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly, <i>Bendahari KAKIB</i>	Pertikaian mengenai penamatan perkhidmatan secara kontrak dengan alasan tidak adil.
25/08/2021	Program Siri 2 – Konvensyen Pengamanahan MyAngkasa Amanah Berhad 2021 secara Zoom Meeting.	1. Zulkifli Faathir bin Mohamed Farouk, <i>ALK</i>	Memberikan penerangan serta penjelasan berkaitan Pengamanahan MyAngkasa iaitu produk daripada ANGKASA.
30/08/2021	Rundingan Damai Di Bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 Mengenai Pembuangan Kerja – En. Muhammad Akmal Haziq bin Busra secara google meet di Bilik Mesyuarat KAKIB.	1. En. Zulkimi bin Hussain, <i>Pengerusi KAKIB</i> 2. En. Mohd Hasrizad bin Zaman, <i>Setiausaha KAKIB</i> 3. Tn. Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly, <i>Bendahari KAKIB</i>	Pertikaian mengenai penamatan perkhidmatan secara kontrak dengan alasan tidak adil. KAKIB kekal dengan keputusan penamatan perkhidmatan secara kontrak dan perkara ini diangkat ke peringkat ibu pejabat JPP untuk tindakan selanjutnya.

Tarikh	Perkara/Tempat	Peserta	Tujuan/Objektif
30/08/2021	Rundingan Damai Di Bawah Seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 Mengenai Pembuangan Kerja – Cik Ain Farhana binti Jamal Arbi Talib secara google meet di Bilik Mesyuarat KAKIB.	1. En. Zulkimi bin Hussain, <i>Pengerusi KAKIB</i> 2. En. Mohd Hasrizad bin Zaman, <i>Setiausaha KAKIB</i> 3. Tn. Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly, <i>Bendahari KAKIB</i>	Pertikaian mengenai penamatan perkhidmatan secara kontrak dengan alasan tidak adil.
28/10/2021	Zoom Meeting Bagi Program Pemerkasaan dan Pemantapan Produk-Produk Kewangan di Bilik Mesyuarat KAKIB.	1. En. Zulkimi bin Hussain, <i>Pengerusi KAKIB</i> 2. En. Mohd Hasrizad bin Zaman, <i>Setiausaha KAKIB</i>	Memperkenalkan produk ANGKASA iaitu Portal MyAzzahra 2.0 dan program “Turn Debt To Wealth (TDTW)”.
30/10/2021	Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-61 Coop Bank Pertama di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur.	En. Zulkimi bin Hussain, <i>Pengerusi KAKIB</i>	Pembentangan laporan tahunan dan semakan bajet untuk pertimbangan serta kelulusan.
22/11/2021	Perbincangan Bersama ANTS Venture Capital Berkaitan Isu <i>i-Serve Online Mall</i> di Bilik Mesyuarat KAKIB.	13 ALK bersama Pengurus KAKIB	Memberikan penjelasan serta pencerahan berkaitan isu i-Serve Online Mall Sdn. Bhd. dan syarikat sekutunya yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA).

Tarikh	Perkara/Tempat	Peserta	Tujuan/Objektif
08/12/2021	Taklimat Berkaitan Cadangan Projek Hartanah Oleh Nanyang Equity Sdn. Bhd. Di Bilik Mesyuarat KAKIB.	15 ALK bersama Pengurus KAKIB	Peluang KAKIB sebagai rakan kongsi secara ekuiti dalam bidang hartanah.
16/12/2021	Taklimat Zakat Perniagaan Oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perak (MAIPk) di Bilik Mesyuarat KAKIB.	15 ALK bersama Pengurus KAKIB	Memberikan pencerahan serta penjelasan berkaitan zakat perniagaan serta sistem wakalah.

4. AKTIVITI EKONOMI DAN PERNIAGAAN

KAKIB akan memperkasakan lagi aktiviti pembiayaan yang merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan KAKIB. Tawaran kadar keuntungan yang menarik akan diberikan kepada anggota bagi memastikan pendapatan dalam aktiviti utama ini akan terus meningkat dan seterusnya akan dapat memberikan pulangan semula kepada seluruh anggota.

KAKIB telah menceburi dalam bidang perhubungan iaitu melalui Red-Coop iaitu bagi produk telco RedOne. Aktiviti ini juga boleh memberikan manfaat kepada anggota sebagai menjana pendapatan sampingan dengan menjadi ejen jualan (*Sales Advisor*) kepada KAKIB dan kursus serta latihan juga telah diadakan untuk memberikan pendedahan kepada para anggota. Diharapkan seluruh anggota KAKIB menyokong penuh bidang perniagaan ini seterusnya mempromosikan kepada orang awam.

4.1 Pembiayaan Yang Ditawarkan Kepada Anggota

4.1.1 *Pembiayaan Peribadi*

Pembiayaan peribadi dengan had maksimum pembiayaan adalah RM150,000.00 tanpa penjamin dengan syarat had umur anggota adalah tidak melebihi 54 tahun. Bagi yang berumur 54 tahun keatas perlu sekurang-kurangnya dua (2) Penjamin. Kelayakan maksimum tidak melebihi dari 60% daripada gaji hakiki bulanan dan kadar keuntungan adalah 3.9% setahun. Tempoh bayaran balik adalah maksimum selama 120 bulan (10 tahun).

4.1.2 *Pembiayaan Kredit*

Pembiayaan Kredit dengan jumlah maksimum pembiayaan 90% dari jumlah yuran atau RM150,000.00 mana-mana yang kurang. Kelayakan maksimum tidak melebihi dari 60% daripada gaji hakiki bulanan. Kadar keuntungan adalah 3.5% setahun dengan tempoh bayaran balik adalah maksimum selama 120 bulan (10

tahun). Pembiayaan ini boleh digunakan bagi tujuan seperti contoh untuk membeli pelbagai barangan seperti kereta, peralatan elektrik, pengubahsuaian rumah dan lain-lain.

4.1.3 ***Pembiayaan Aktiviti Perniagaan***

Pembiayaan Aktiviti Perniagaan dengan Jumlah maksimum pembiayaan adalah RM30,000.00. Kelayakan maksimum tidak melebihi dari 60% daripada pendapatan bulanan. Kadar keuntungan adalah 3.5% setahun dengan tempoh bayaran balik adalah maksimum selama 120 bulan (10 tahun).

4.1.4 ***Pembiayaan Pelbagai***

Pembiayaan ini disediakan bagi membaharui Insurans Am, cukai jalan, peralatan kenderaan dan lain-lain perkhidmatan yang disediakan koperasi. Jumlah maksimum pembiayaan adalah RM5,000.00. Kelayakan maksimum tidak melebihi dari 60% daripada gaji hakiki bulanan dengan kadar keuntungan adalah 3.9% setahun.

Anggota boleh melayari laman sesawang KAKIB di www.kakib.my untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci.

4.2 **Aktiviti Perniagaan Ar-Rahnu KAKIB**

KAKIB telah menjalankan perkhidmatan Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) semenjak awal tahun 2017 di tingkat bawah bangunan KAKIB. Ar-Rahnu KAKIB menawarkan pembiayaan **Nilai Simpan maksimum sehingga RM25,000.00** untuk setiap transaksi dengan **margin pembiayaan sehingga 80% daripada nilai marhun** serta **Upah Simpan serendah RM0.80. Tempoh Gadaian selama 6 bulan dan boleh diperbaharui**. Jenis barangan kemas yang diterima daripada **Emas 750, 835, 916 dan 999**.

Kerja-kerja penubuhan **Ar-Rahnu KAKIB yang kedua** masih dalam proses rentetan daripada perolehan pendapatan KAKIB bagi tahun 2021 yang menggalakkan. Seluruh anggota KAKIB juga dimohon memberikan sokongan keatas aktiviti Ar-Rahnu KAKIB ini serta turut membantu menghebahkan kepada orang ramai.

Anggota boleh melayari laman sesawang KAKIB di www.kakib.my untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci.

4.3 **Aktiviti Pelancongan KAKIB**

KAKIB Safar Travel & Tours Sdn Bhd (KSTT) merupakan salah satu perniagaan KAKIB yang telah memulakan operasi sepenuhnya pada November 2018. Berikutan pandemik Covid 19 yang melanda seluruh negara, perniagaan dalam sektor adalah sangat terjejas. Justeru itu, bagi mengurangkan kos operasi, majoriti ALK membuat keputusan agar aktiviti pelancongan ini digantung daripada beroperasi berkuatkuasa pada 1 Mac 2021. Keputusan ini juga telah diambil kerana keadaan pengurusan kewangan syarikat yang tidak teratur serta meragukan. Siasatan dalaman oleh pihak Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) telah menemui beberapa isu yang serius serta memerlukan tindakan yang tegas dan segera.

4.4 Aktiviti Farmasi KAKIB

Farmasi KAKIB telah ditubuhkan dalam tahun 2021 melalui jaringan bersama Coop-Farmasi ANGKASA. Diharapkan agar seluruh anggota KAKIB menyokong penuh perniagaan ini seterusnya mempromosikannya kepada orang awam kerana perkara ini adalah untuk manfaat bersama.

4.5 Aktiviti Pusat Seminar Dan Latihan KAKIB

Sewaan Bangunan merupakan antara penyumbang kepada pendapatan KAKIB. Bangunan KAKIB di Meru Raya telah siap diubahsuai menjadi pusat latihan dan seminar untuk disewa. Diharap agar seluruh anggota KAKIB sama-sama membantu mempromosikan aktiviti sewaan ini dalam memastikan pendapatan KAKIB dapat dijana serta ditingkatkan dari semasa ke semasa

4.6 Hartanah Dan Sewaan Bangunan

4.6.1 *Projek Khas Rancangan Perumahan Anggota Kerajaan (Kampung Tersusun) di atas Lot 116174, Mukim Sungai Terap, Daerah Kinta, Batu Gajah, Perak*

Projek Khas perumahan anggota kerajaan ini merupakan salah satu aktiviti sosial ekonomi pihak KAKIB dalam usaha menyediakan tapak perumahan bagi anggota KAKIB dengan kerjasama pihak Berkuasa Negeri. Seramai 136 orang peserta terdiri daripada 41 peserta dari anggota KAKIB dan 95 orang peserta dari Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah. Kerja-kerja penyediaan tapak tanah perumahan berserta infrastrukturnya sedang dalam pelaksanaan dengan anggaran kemajuan kerja melebihi 50%. Bayaran bagi kemajuan kerja ini perlu dijelaskan oleh semua peserta selain dari bayaran yang termaktub dalam perjanjian. Pihak Kontraktor Segar Bernas telah menarik diri dengan KAKIB melantik Nanyang Equity Sdn Bhd bagi meneruskan kerja-kerja yang belum diselesaikan.

Pihak KAKIB dengan segala daya usaha sedang berusaha agar projek ini dapat diserahkan kepada peserta dengan seberapa segera. Perundingan di antara KAKIB dengan pihak kontraktor serta pihak Pejabat Daerah dan Tanah Kinta sedang giat dijalankan untuk mempercepatkan kerja di tapak Projek. Pihak kontraktor juga bercadang akan menyediakan pakej promosi yang menarik serta harga yang berpatutan kepada mana-mana peserta yang melantik mereka untuk mendirikan rumah di atas tapak tanah yang telah diberi hak milik.

4.6.2 *Bangunan KAKIB*

KAKIB memiliki Aset Tetap berupa bangunan dan rumah kedai di Jalan Dato' Onn Jaafar, Jalan Raja Musa Aziz, Taman Chepor Damai, Meru Raya, Jalan Labrooy dan Silibin Business Centre, Ipoh. Kesemua Aset Tetap ini merupakan salah satu penyumbang kepada pendapatan KAKIB melalui sewaan.

5. PERANCANGAN AKTIVITI EKONOMI DAN PERNIAGAAN KAKIB

5.1 Perancangan Penubuhan Pusat Dialisis KAKIB

Cadangan Penubuhan Pusat Dialisis KAKIB telah diluluskan dan mendapat mandat dari anggota semasa Mesyuarat Agung Tahunan ke-93 yang lalu.

Penubuhan Pusat Dialisis KAKIB juga telah mendapat perhatian dan sokongan daripada SKM serta galakan daripada Kerajaan Negeri Perak. Permohonan bagi menubuhkan subsidiari adalah di bawah GP. 17 SKM, Seksyen 19 Akta Koperasi 1993. KAKIB telah melantik MyAngkasa Dialisis Sdn. Bhd. sebagai perunding bagi penubuhan Pusat Dialisis KAKIB Sdn. Bhd. Penubuhan Subsidiari Pusat Dialisis KAKIB Sdn. Bhd. perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pihak SKM. Untuk melaksanakannya, KAKIB perlu bersedia mematuhi garis panduan serta prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

5.2 Perancangan Penubuhan Klinik KAKIB

Susulan pindaan keatas Undang-Undang Kecil Seksyen 9 iaitu menjalankan aktiviti Rawatan dan Perkhidmatan Kesihatan' yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan ke 93 yang lalu. Pihak KAKIB bercadang untuk menubuhkan sebuah Klinik KAKIB bagi meningkat aktiviti sosio-ekonomi KAKIB yang berasaskan kesihatan kepada anggota. Walau bagaimanapun, perancangan ini ditangguhkan sementara bagi memberikan fokus kepada perniagaan farmasi yang baru ditubuhkan.

5.3 Perancangan Penubuhan Ar-Rahnu Kedua KAKIB

Cadangan Penubuhan Ar-Rahnu Kedua KAKIB kedua telah mendapat sokongan daripada anggota dalam MAT yang lepas. Ar Rahnu kedua KAKIB ini dijangka akan disiapkan dan mula beroperasi pada awal tahun 2022. Dengan penubuhan Ar Rahnu kedua KAKIB ini diharap mendapat sokongan dan bantuan daripada seluruh anggota KAKIB untuk memajukannya bersama-sama.

5.4 Projek Stesen Minyak KAKIB

Projek stesen Minyak KAKIB merupakan salah satu projek dalam perancangan KAKIB. Lokasi yang sesuai dan berpotensi perlu dikenalpasti dan diteliti bagi memastikan projek ini dapat memberikan pulangan yang tinggi kepada pendapatan KAKIB.

6. ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN DALAM TAHUN 2021


KAKIB sentiasa berusaha untuk mencapai serta memenuhi segala kriteria, syarat, kualiti dan piawaian yang dikehendaki agar kualiti perkhidmatan serta tadbirurus pengurusan dapat dipertingkatkan serta mendapat keyakinan daripada para anggotanya terhadap perkhidmatan yang diberikan dan aktiviti yang dijalankan. KAKIB telah mendapat tempat ke-38 bagi **Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2021**.

7. PENGHARGAAN

Seluruh Anggota Lembaga KAKIB mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak seperti berikut :-

- 7.1 Suruhanjaya Koperasi Malaysia
- 7.2 Pengarah dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Perak
- 7.3 Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perak dan Badan Berkanun
- 7.4 ANGKASA Pusat dan ANGKASA Negeri Perak,
- 7.5 Biro Perkhidmatan ANGKASA
- 7.6 Datuk Bandar Ipoh
- 7.7 Ketua Polis Daerah Kinta
- 7.8 Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
- 7.9 Jawatankuasa Audit Dalaman KAKIB dan Juruaudit Luar
- 7.10 Pegawai dan Pekerja Undi
- 7.11 Perak FM, Media Cetak dan Elektronik
- 7.12 Anggota KAKIB dan Pekerja KAKIB

Bagi pihak Anggota Lembaga KAKIB,



MOHD HASRIZAD BIN ZAMAN
Setiausaha KAKIB

KEPUTUSAN UNDIAN ANGGOTA LEMBAGA

BAGI TAHUN 2020 – 2021

No.	Nama Anggota	No. Anggota	Jabatan/Sekolah	Jumlah Undi
1.	Syed Mohamad Jamahalulil bin Syed Zulkifly	19985	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	2,803
2.	Azizul bin Mansur	26120	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak	2,541
3.	Mohd Shafri bin Sulaiman	23756	Klinik Kesihatan Gunung Rapat, Ipoh	2,361
4.	Norhairulniza bin Noraini	27122	Klinik Kesihatan Tanjung Rambutan, Perak	2,340
5.	Khairul Anuar bin Mohd. Nor	27089	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	2,156
6.	Muhamad Farid bin Ibrahim	28550	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	1,829
7.	Zulkarnain bin Kamarudin	28756	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	1,548
8.	Fadhlan bin Hod	28674	Syarikat Maju Perak Berhad, Ipoh	1,144
9.	Sukumaren a/l Perisamy	20788	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	1,086

Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad,
111-B, Tingkat Satu,
Jalan Dato' Onn Jaafar,
30300 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tarikh : 19.05.2022

LAPORAN TAHUNAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD) BAGI TAHUN KEWANGAN 2021

Kami, Jawatankuasa Audit Dalaman, Koperasi Anggota Kerajaan Ipoh Berhad (KAKIB) yang dilantik oleh Anggota Lembaga KAKIB bagi sesi tahun kewangan 2021 berdasarkan kepada Akta Koperasi, Seksyen 42A dan Undang-Undang Kecil KAKIB, Bahagian 50 akan membentangkan laporan auditan kami seperti berikut :-

2. Pentadbiran dan Pengurusan KAKIB

Tadbir urus KAKIB telah diamanahkan kepada 15 orang Anggota Lembaga yang dipilih melalui proses pengundian pada Mesyuarat Agung Tahunan KAKIB yang diadakan pada setiap tahun. Pentadbiran koperasi ini digerakkan oleh 24 orang pekerja yang mengendalikan segala urusan berkaitan koperasi. 2 orang pekerja bagi mengendalikan subsidiari KAKIB iaitu KAKIB Safar Travel and Tours Sdn. Bhd. (Coopfarmasi) . Segala pemantauan ini dilakukan oleh Jawatankuasa Audit Dalaman yang dilantik oleh Anggota Lembaga Koperasi pada tahun semasa.

3. Aktiviti-Aktiviti KAKIB

Berikut merupakan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh KAKIB berdasarkan kepada Undang-Undang Kecil KAKIB bahagian 9 :-

- 3.1 Yuran Simpanan Anggota, Syer Anggota, Simpanan Khas Anggota, Pembiayaan-Pembiayaan Anggota, Kumpulan Wang dan Tabung Amanah Anggota;
- 3.2 Insurans Berkumpulan (Sun Life, MCIS Zurich dan Etiqa Takaful);
- 3.3 Insurans Am (Allianz Assurance Berhad);
- 3.4 Pelaburan Saham Koperasi, Saham Siar Harga dan Tak Siar Harga;
- 3.5 Unit Jualan;
- 3.6 Pelancongan dan Farmasi oleh subsidiari KAKIB Safar Travel and Tours Sdn. Bhd. (KSTT);
- 3.7 Derma Pelajaran Anak-Anak Anggota, Khairat Kematian dan Saguhati Anggota Bersara;
- 3.8 Kursus Hujung Minggu;
- 3.9 Lawatan Sambil Belajar;
- 3.10 Buletin KAKIB, Seminar, Bengkel, Kongres dan Pameran Koperasi;
- 3.11 Pembangunan Hartanah dan Sewaan;
- 3.12 Ar Rahn KAKIB dan
- 3.13 Perniagaan Telco RedOne

4. Kuasa dan Kewajipan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD)

JAD telah melaksanakan amanah dan tanggungjawab berdasarkan kepada Undang-Undang Kecil Bahagian 53 yang memperuntukkan kuasa dan kewajipan dalam bidang tugas seperti berikut :-

4.1 Pemeriksaan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD)

Bagi tahun kewangan 2021, JAD telah melakukan aktiviti pengauditan sebanyak tiga (3) kali terhadap semua buku tunai akaun, bil, resit, baucer bayaran dan juga membuat semakan minit-minit Mesyuarat Anggota Lembaga KAKIB. Dalam tahun ini juga, pihak JAD telah menjalankan Audit Berkala sebanyak dua (2) kali.

4.2 Pemeriksaan, Penemuan dan Cadangan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD)

4.2.1 *Kesahan Segala Perbelanjaan dan Tanggungjawab*

JAD mendapati bahawa semua proses perbelanjaan, terimaan dan perolehan KAKIB telah diuruskan dengan sempurna berdasarkan kepada rekod transaksi dan penyeragaman dokumen-dokumen yang diperiksa. Dokumen-dokumen juga telah disimpan dengan baik, teratur dan selamat.

4.2.2 *Penyelenggaraan Buku Tunai KAKIB*

JAD mendapati bahawa semua transaksi terimaan dan bayaran telah disokong dengan pengeluaran resit dan baucer bayaran serta dilampirkan dengan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan. Pemeriksaan pada Buku Tunai mendapati bahawa semua transaksi telah direkodkan di dalam Buku Tunai dan diselenggara dengan kemas dan teratur.

4.2.3 *Pengauditan Inventori/Harta Modal KAKIB, Unit Jualan dan Ar Rahn KAKIB*

JAD mendapati bahawa segala butir-butir perbelanjaan dan pemeriksaan inventori serta harta modal telah direkodkan dengan baik dan teratur. Pemeriksaan terhadap stok Unit Jualan di Stor Simpanan dan rekod transaksi di Ar Rahn KAKIB telah dilakukan sebanyak dua (2) kali bagi tahun ini.

4.2.4 *Penilaian Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) Terhadap Pengurusan KAKIB*

a) *Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi (ALK)*

Berdasarkan kepada Undang-Undang Kecil Koperasi, Bahagian 40 (2) dan 42, bagi sesi tahun 2021 ini, pihak Anggota Lembaga Koperasi (ALK) telah mengadakan :-

Mesyuarat Anggota Lembaga	- 12 kali
Mesyuarat Khas Anggota Lembaga	- 7 kali
Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pembiayaan	- 12 kali
Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pentadbiran	- 4 kali
Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pendidikan	- 4 kali
Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Ekonomi	- 4 kali
Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kerja / Bertindak	- 0 kali
Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Risiko	- 0 kali
Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib	- 1 kali

b) **Aktiviti dan Pengurusan Koperasi**i) **Pembiayaan Kepada Anggota**

Dalam tahun 2021, jumlah pembiayaan yang telah diluluskan oleh KAKIB agak berkurangan jika dibandingkan dengan tahun 2020. KAKIB perlu terus giat mempromosikan pembiayaan kepada anggota termasuk menurunkan kadar keuntungan pembiayaan bagi meningkatkan jumlah pembiayaan yang diluluskan.

ii) **Aktiviti Unit Jualan**

Unit Jualan berfungsi bagi menguruskan pembiayaan bertanggung untuk Anggota yang memohon pembiayaan bagi membeli pelbagai barangan bernilai RM50,000.00 ke bawah dengan kadar keuntungan serendah 3.5%. Anggota seharusnya memanfaatkan kemudahan yang disediakan ini.

iii) **Ar Rahn KAKIB**

Sepanjang tahun 2021, JAD mendapati Ar Rahn KAKIB telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari anggota KAKIB dan juga orang awam. Sehingga 31 Disember 2021, Ar Rahn KAKIB telah pun berjaya menguruskan nilai Marhun yang berjumlah melebihi RM 1,000,000.00 .

iv) **KAKIB Safar Travel and Tours Sdn. Bhd. (KSTT)**

Agensi pelancongan KAKIB Safar Travel and Tours Sdn. Bhd. (KSTT) merupakan syarikat subsidiari milik penuh KAKIB yang telah memulakan operasi sepenuhnya pada penghujung tahun 2018. Hasil penemuan auditan, JAD mendapati terdapat kelemahan pengurusan kewangan syarikat. Pihak Anggota Lembaga Koperasi (ALK) telah mengambil tindakan tegas terhadap keseluruhan pengurusan pelancongan KAKIB Safar Travel and Tours Sdn. Bhd. (KSTT) termasuk penggantungan operasi syarikat bermula Mac 2021.

4.3 **Aktiviti Audit - Pengauditan Terhadap Pengurusan Perbelanjaan dan Pembiayaan KAKIB**

Pemeriksaan Audit telah berjaya dilaksanakan untuk tempoh kewangan 01 Januari 2020 hingga 31 Disember 2021. JAD berpuas hati dengan penambahbaikan serta tindakan proaktif yang telah dilakukan oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) bersama pihak Pengurusan KAKIB.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) merakamkan ucapan tahniah kepada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) serta seluruh warga kerja KAKIB diatas kecemerlangan ini dan berharap agar prestasi ini dikekalkan.

JAD berharap supaya Anggota Lembaga KAKIB (ALK) dapat mempelbagaikan lagi aktiviti bagi menjana pendapatan dan menjadikan KAKIB lebih maju di masa hadapan. Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) juga mencadangkan supaya Pengurusan KAKIB mempergiatkan lagi gerak kerja promosi dengan menggunakan kelebihan sistem teknologi yang ada seiring dengan perkembangan media massa pada masa kini.


5. Pengesahan

